

**PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR TERHADAP PELAKSANAAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN
JASMANI DAN KESIHATAN (PJK) DI SEKOLAH-
SEKOLAH MENENGAH ZON BANGSAR,
KUALA LUMPUR**

**Satu Kertas Projek Sarjana yang dikemukakan kepada Sekolah
Siswazah sebagai sebahagian dari keperluan untuk ijazah
Sarjana Sains (Pengurusan),
Universiti Utara Malaysia**

Oleh

Zulkiflee bin Othman



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

ZULKIFLEE BIN OTHMAN (NO. MATRIK : 83503)

calon untuk Ijazah

(candidate for the degree of)

SARJANA SAINS (PENGURUSAN)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk

(has presented his/her project paper of the following title)

PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR TERHADAP PELAKSANAAN PENGAJARAN

DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN (PJK)

DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON BANGSAR, KUALA LUMPUR.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek

(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia

(Name of Supervisor)

: **DR. NOORUL AINUR BINTI MOHD. NUR**

Tandatangan

(Signature)

:

Tarikh

(Date)

:

23 SEPTEMBER 2002

**SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam mengemukakan Kertas Projek Sarjana ini sebagai sebahagian dari keperluan bagi memperoleh Sarjana Sains (Pengurusan) dari Universiti Utara Malaysia, saya dengan ini bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh menjadikannya terbuka untuk semakan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin Kertas Projek Sarjana ini dalam apa jua bentuk sekalipun, sebahagiannya atau keseluruhannya, untuk kegunaan ilmiah boleh diberikan oleh penyelia saya atau, dengan ketiadaan beliau, oleh Dekan Sekolah Siswazah. Adalah dipersetujui bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan Kertas Projek Sarjana ini atau sebahagian darinya untuk tujuan keuntungan tidak boleh dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah dipersetujui juga bahawa pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia bagi sebarang kegunaan ilmiah yang menggunakan apa jua bahan dalam Kertas Projek Sarjana saya.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran menyalin atau lain-lain kegunaan bahan-bahan dalam Kertas Projek Sarjana ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada :

**DEKAN SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK
KEDAH DARUL AMAN**

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) di sekolah. Kajian ini turut meninjau perbezaan persepsi dan sikap di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan ciri-ciri demografi terpilih. Seterusnya kajian ini juga ingin mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan diantara persepsi dan sikap pelajar dengan faktor-faktor guru, kandungan kurikulum, objektif pengajaran, masa pengajaran dan juga kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah. Sampel kajian ini terdiri dari 375 orang pelajar tingkatan empat dari 3 buah sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Borang soal selidik yang telah digunakan terdiri dari tiga bahagian. Bahagian A terdiri daripada 6 soalan yang berkaitan dengan demografi pelajar. Bahagian B terdiri dari 12 soalan untuk mengukur persepsi dan sikap pelajar. Bahagian C terdiri daripada 32 soalan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Analisis statistik deskriptif, Ujian-t, Analisis Varian Satu Hala dan analisis korelasi telah digunakan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa (1) peratusan pelajar yang menunjukkan sikap positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah adalah sederhana tinggi; (2) daripada Ujian-t dan Analisis Varian Satu Hala didapati bahawa tidak terdapat sebarang perbezaan persepsi dan sikap yang signifikan berdasarkan kumpulan etnik, tetapi wujud perbezaan persepsi dari segi jantina dan aliran persekolahan; (3) analisis korelasi menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti guru, kurikulum, objektif, masa pengajaran dan kemudahan dan peralatan menunjukkan perkaitan positif yang signifikan dengan persepsi dan sikap pelajar-pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK. Akhir sekali cadangan-cadangan telah dibuat bagi pengubal dasar, perancang-perancang program dan para penyelidik.

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine student's perception and attitude towards implementation of teaching and learning Physical and Health Education in schools. This study also investigates the significant differences in perception and attitude among students towards the implementation of teaching and learning Physical and Health Education based on selected demographic factors. The study then, sought to identify the relationship between students' perception and attitude and the following factors : teachers, contents of curriculum, teaching objective, teaching period and equipment and facilities in schools. The sample chosen for this study consists of 375 Form Four students from 3 secondary schools in BangsarZone, Kuala Lumpur. The questionnaire has three sections. Section A is composed of 6 questions related to demographic characteristic of the students. Section B is composed of 12 questions to assess the perception and attitude of the students. Section C consists of 32 questions to determine the factors that influence perception and attitude of students towards implementation of teaching and learning Physical and Health Education in school. Descriptive statistical analysis, t-Test, One-Way Analysis of Variance (ANOVA) and correlation analysis were employed. Results of this study showed firstly, that the percentage of students showing positive perception and attitude towards implementation of teaching and learning Physical and Health Education was moderately high. Secondly, t-Test and One-Way Analysis of Variance results showed that there were no significant differences in students' perception and attitude based on students' race, but significant differences based on gender and school-stream. Thirdly, correlation analysis showed that factors such as teachers, contents of curriculum, teaching objective, teaching period and equipment and facilities had a significant positive relation between a student's perception and attitude towards implementation of teaching and learning Physical and Health Education and Health Education in school. Finally recommendations for policy makers, program planners and researchers were made.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurniaNya kajian ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Penyelaras Projek Kanan (Pusat Ekonomi), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara selaku Penyelia kepada kajian ini yang telah memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar dalam proses menyiapkan projek dengan sempurna. Ucapan ini juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Ibrahim Abdul Hamid, Dekan Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Dr. Norhayati Mansor, Timbalan Dekan, Universiti Utara Malaysia, Pensyarah-pensyarah Universiti Utara Malaysia di atas tunjuk ajar, nasihat serta ilmu yang telah dicurahkan.

Kesempatan ini juga saya rakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengetua dan guru-guru sekolah berkenaan di Zon Bangsar, Kuala Lumpur yang telah memberi kebenaran, sokongan dan kerjasama sepenuhnya kepada saya dalam menjayakan projek ini. Kepada pelajar yang dipilih sebagai responden kajian ini, saya rakamkan ribuan terima kasih di atas keikhlasan dan kerjasama anda. Tidak ketinggalan juga kepada pihak Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Pengarah INTAN, serta pegawai-pegawai INTAN, khususnya En Liew Swee Liang, En. Ooi Seong Kang, Pn. Zurina Ismail, rakan-rakan seperjuangan Kursus DSP/SSP 2001/2002 yang memberikan peluang, perhatian, khidmat nasihat, tunjuk ajar, pendapat dan kerjasama sepanjang tempoh kursus ini dijalankan.

Semoga Allah S.W.T. membalas budi baik tuan/puan. Terima Kasih.

Untuk Kansinar, Amalina, Anis, Aiman, Aisya dan Afzal

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK (BAHASA MALAYSIA)	ii
ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Tujuan Kajian	9
1.4 Kepentingan Kajian	10
1.5 Skop Kajian	11
BAB 2 : TINJAUAN BAHAN PENULISAN YANG LEPAS	
2.1 Latar Belakang dan Konsep Persepsi	13
2.2 Konsep Sikap	15
2.3 Teori Berkaitan Pembelajaran	16
2.4 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	18
2.5 Pengertian dan Tujuan Pembelajaran PJK	19
2.6 Kajian-kajian Berkaitan	21

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Kerangkakerja Teoritikal	25
3.2	Hipotesis Kajian	26
3.3	Rekabentuk Kajian	27
3.4	Lokasi Kajian	28
3.5	Subjek Kajian	28
3.6	Instrumen Kajian	28
3.7	Pengumpulan Data	30
3.8	Analisis Data	31

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	32
4.2	Kebolehpercayaan instrumen kajian	33
4.3	Ciri-ciri Demografi Responden	33
4.3.1	Jantina	34
4.3.2	Bangsa atau Keturunan	34
4.3.3	Aliran Persekolahan	35
4.4	Pengukuran Persepsi dan Sikap Responden Terhadap PJK	36
4.5	Analisis Deskriptif Berdasarkan Jumlah Skor Bagi Setiap Pembolehubah	40
4.5.1	Faktor Guru	41
4.5.2	Faktor Kurikulum	42
4.5.3	Faktor Objektif Mata Pelajaran PJK	43
4.5.4	Faktor Masa Pengajaran PJK	45
4.5.5	Faktor Kemudahan dan Peralatan	46
4.6	Perbandingan Persepsi dan Sikap Responden Terhadap PJK Berdasarkan Ciri-ciri Demografi	47

4.6.1	Perbandingan Persepsi dan Sikap Responden Berdasarkan Jantina	48
4.6.2	Perbandingan Persepsi dan Sikap Responden Berdasarkan Kumpulan Etnik	49
4.6.3	Perbandingan Persepsi dan Sikap Responden Berdasarkan Aliran Persekolahan	50
4.7	Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Yang Mempengaruhinya	52
4.7.1	Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Guru	55
4.7.2	Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Kurikulum	56
4.7.3	Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Objektif PJK	58
4.7.4	Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Masa Pengajaran	59
4.7.5	Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Kemudahan dan Peralatan	60
 BAB 5 :	 RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	62
5.2	Ringkasan	62
5.3	Keputusan Kajian	66
5.4	Kesimpulan	70
5.5	Cadangan Hasil Kajian	71
5.6	Cadangan Kajian Seterusnya	74
 BIBLIOGRAFI		 76
Lampiran-lampiran		80 - 101

SENARAI JADUAL

- Jadual 4.1 : Hasil Ujian Kebolehpercayaan Ke atas Instrumen Kajian
- Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Jantina
- Jadual 4.3 : Taburan Responden Mengikut Kumpulan Etnik
- Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Aliran
- Jadual 4.5 : Taburan Frekuensi Skor Penilaian Sikap
- Jadual 4.6 : Persepsi dan Sikap Terhadap PJK
- Jadual 4.7 : Skor dan Skala Rating Bagi Setiap Faktor Yang Dikaji
- Jadual 4.8 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Guru
- Jadual 4.9 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Kurikulum
- Jadual 4.10 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Objektif PJK
- Jadual 4.11 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Masa Pengajaran
- Jadual 4.12 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Kemudahan dan Peralatan
- Jadual 4.13 : Ujian-t Sikap Terhadap PJK Berdasarkan Jantina
- Jadual 4.14 : Analisis Varian Sehalu Sikap Responden Terhadap PJK Berdasarkan Kumpulan Etnik
- Jadual 4.15 : Ujian-t Sikap Responden Terhadap PJK Berdasarkan Aliran Persekolahan
- Jadual 4.16 : Keputusan Korelasi Di antara Sikap Dengan Faktor-faktor Yang Mempengaruhinya
- Jadual 4.17 : Senarai Perkaitan Signifikan Antara Sikap Responden Terhadap PJK Dengan Faktor-faktor Yang Mempengaruhinya

SENARAI RAJAH

Gambarajah 3.1 : Model Rangkakerja Teoritikal

SENARAI LAMPIRAN

Lampran A : Borang Soal Selidik

Lampiran B : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Kementerian Pendidikan Malaysia

Lampiran C : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Lampiran D : Ujian Kebolehpelaksanaan

Lampiran E : Analisis Frekuensi Faktor Demografi

Lampiran F : Analisis Deskriptif Skor Penilaian Sikap

Lampiran G : Analisis Deskriptif Jumlah Skor Bagi Setiap Pembolehubah

Lampiran H : Analisis Deskriptif- Perbandingan Persepsi dan Sikap Respondeen Berdasarkan Faktor Demografi

Lampiran I : Analisis Korelasi Persepsi dan Sikap Pelajar Dengan Faktor-faktor Yang Mempengaruhinya

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam Falsafah Pendidikan Negara dengan jelas menyatakan bahawa seorang insan perlu seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmaninya. Perseimbangan aspek-aspek ini perlu di kalangan pelajar untuk melahirkan generasi yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, kesukarelaan dan ketrampilan melalui aktiviti yang mencabar dan menyeronokkan. Justeru itu, melalui aktiviti kokurikulum amnya dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) khasnya dapat melatih pelajar mengatasi pelbagai kekangan dan rintangan serta mempunyai daya tahan, daya saing, daya suai dan daya cipta yang tinggi agar para pelajar boleh dan sanggup menghadapi cabaran pendidikan alaf baru.

Dalam membina sahsiah insan pelajar, aspek kemahiran asas, pengurusan, kepimpinan, kerjasama dan kecergasan perlu diberi penekanan yang sewajarnya. Dengan pendedahan komponen ini, pengajaran dan pembelajaran PJK yang terancang, sistematik dan berkesan diharap dapat membentuk sikap pelajar yang positif serta memiliki semangat kesediaan dan kesukarelaan dalam diri mereka. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK secara mantap dan bestari bukan

sahaja menghasilkan pelajar permulaan yang cemerlang dalam pencapaian akademik tetapi juga mempunyai kecerdasan, kecergasan dan penampilan diri yang tinggi. Ini dapat mengembangkan minda, bakat dan potensi pelajar secara menyeluruh, seimbang dan berterusan yang membolehkan mereka berperanan sebagai pembimbing dan pemimpin pelajar yang berkesan di sekolah. Pembelajaran PJK di sekolah diyakini dapat membentuk dan mendidik pelajar agar dapat menjadi warga mementingkan gaya hidup aktif dan sihat. Lantaran itu, ia dapat mengimbangi perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek pelajar selaras dengan pertumbuhan fizikalnya.

Berbanding dengan dekad-dekad sebelum 1990an, mata pelajaran PJK dilihat telah mengalami perubahan terutama dari segi konsep dan kurikulumnya. Walau bagaimanapun penerimaan, pengiktirafan dan pelaksanaannya masih boleh dipertikaikan, ini kerana sesetengah pihak beranggapan bahawa mata pelajaran ini merupakan sampingan kepada kurikulum di sekolah dan tidak terlibat dengan peperiksaan awam. Oleh yang demikian, berlakunya ketidakseimbangan dalam pelaksanaan program pendidikan di sekolah khususnya PJK berbanding mata pelajaran lain. Melihat kepada situasi ini, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggabungkan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan dan dijadikan mata pelajaran teras yang wajib diikuti oleh semua pelajar di sekolah. Mengikut PPK (1992) gabungan mata pelajaran ini penting agar tumpuan dan penekanan kepada aspek pertumbuhan potensi diri setiap pelajar secara menyeluruh dapat dilaksanakan bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara. Selaras dengan perubahan ini, strategi dan konsep pengajaran PJK perlu juga mengalami anjakan paradigma dan

tidak lagi berkonsepkan “throw the ball and let them play” (Hoffman, 1971) seperti yang diamalkan sebelum ini.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan peruntukan khas berupa “grant” tahunan kepada setiap sekolah di seluruh negara bagi tujuan pengurusan, kelengkapan dan pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah. Tidak dapat dinafikan juga terdapat sekolah-sekolah terutama di bandar-bandar, kekurangan kemudahan seperti padang dan gelanggang permainan akibat ruang yang terhad. Oleh itu keadaan ini merupakan cabaran dan kekangan kepada pihak sekolah untuk memenuhi kehendak sebenar dari proses pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Di samping aspek kemudahan dan kelengkapan, aspek guru, kesesuaian dan penyusunan waktu pengajaran juga penting agar objektif sebenar dari mata pelajaran pelajaran ini dapat dicapai. Guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Banks dan Ayres (1993) (Dalam Abd. Rahman Yusoff, 1997), guru atau pendidik jasmani hendaklah dapat menggalakkan pelajar menguasai kemahiran berfikir supaya setiap tugas pelajaran dapat difahami dan dinilai untuk dilaksanakan. Schwager dan Labate (1993) pula turut mengakui pendapat ini dengan mengatakan bahawa galakan untuk berfikir secara kritikal dapat membantu pelajar lebih memahami sesuatu tugas belajar dan turut membantu sesuatu pengajaran mencapai objektifnya.

1.2 Pernyataan Masalah

Matlamat Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) dilaksanakan di sekolah-sekolah adalah untuk memberi dan menyediakan pelajar dengan pendidikan yang menyeluruh seperti yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu PJK merupakan satu-satunya pelajaran yang memenuhi kehendak tersebut di mana ianya meliputi domain psikomotor, kognitif, afektif, sosial dan emosi. PJK menyediakan ruang untuk pelajar mencuba dan melibatkan diri secara fizikal dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Anne Marie Bird (dalam Ab Rahman Yusoff, 1997) berpendapat bahawa PJK merupakan pelajaran yang “task oriented” dan dapat menghasilkan kejayaan kepada sesuatu kumpulan pelajar. Oleh itu, mata pelajaran ini memerlukan satu pendekatan pengajaran yang lebih mantap supaya mampu menghasilkan proses pendidikan yang menyeluruh dan berkesan. Kemahiran, kebolehan dan keupayaan guru adalah penting untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan dan pencapaian objektif PJK di sekolah. Dengan kata lain, guru yang terlatih atau opsyen dalam bidang berkenaan sepatutnya diberi peranan dan tanggungjawab melaksanakannya. Kalau ditinjau dikebanyakan sekolah pada hari ini kebanyakan guru yang mengajar PJK adalah terdiri dari mereka yang tidak terlatih atau tidak mempunyai pengalaman dalam bidang berkenaan. Lebih malang lagi sesetengah guru diperuntukkan mengajar PJK bagi tujuan melengkapkan kuota waktu pengajaran sepatutnya. Oleh itu perancangan dan pelaksanaan pengajaran PJK oleh guru berkenaan sekadar memenuhi tugas yang diberi tanpa menunjukkan kesungguhan dan kebolehan yang sepatutnya. Oleh itu konsep “throw the ball and let them play” seperti yang diutarakan oleh Hoffman (1971) terus diamalkan di sesetengah sekolah pada hari ini. Mengikut Rahman

Shaari (Berita Harian, 1996), kurangnya kreativiti menyebabkan sesuatu pengajaran itu menjadi lemah dan tidak berkesan. Ini menyebabkan guru pada umumnya akan lebih menekankan kepada tujuan untuk mengekalkan tahap kecergasan sahaja tanpa mengira objektif lain yang lebih penting.

Kesesuaian masa pengajaran juga penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran mata pelajaran PJK. Kebanyakan sekolah di Malaysia mengamalkan sistem persekolah dua sesi, iaitu sesi pagi dan petang. Bagi sesi pagi pelaksanaan pengajaran PJK biasanya dilakukan sebelum waktu rehat (sebelum 10.00 pagi) manakala bagi sesi petang pula pelaksanaannya dua waktu terakhir sebelum pelajar pulang. Walau bagaimanapun sesetengah sekolah memperuntukkan dua waktu pertama sesi pagi untuk pengajaran PJK dan ianya dianggap lebih sesuai dengan kesediaan guru dan pelajar. Sesetengah sekolah pula mengasingkan waktu bagi Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan dan ada pula yang mengadakannya secara selang minggu. Walau bagaimanapun ianya bergantung kepada kebijaksanaan pihak pentadbir terutama guru yang menyelaras jadual waktu dan panitia mata pelajaran dalam menentukan pembahagian waktu pengajaran tersebut. Masalah yang selalu timbul di kalangan sekolah ialah kebanyakan sekolah atau lebih tepat lagi guru, tidak melaksanakan peruntukan waktu pengajaran PJK dengan sepenuhnya. Terdapat guru yang mengambil kesempatan untuk mengajar mata pelajaran lain pada waktu PJK. Keadaan ini lebih ketara apabila tiba musim peperiksaan dan cuaca yang tidak mengizinkan. Lebih malang lagi sesetengah guru menggunakan waktu PJK ini untuk tujuan membersihkan kawasan persekitaran sekolah dan dalam sesetengah keadaan pelajar dibenarkan ke padang dengan ketiadaan guru dan dibenarkan melakukan

aktiviti bebas. Keadaan ini bertentangan sama sekali dengan konsep masa pembelajaran yang mana merupakan petunjuk terhadap kualiti sesuatu pengajaran (Beauchamps, Darst dan Thompson, 1990).

Faktor kemudahan dan kelengkapan alatan untuk pengajaran PJK juga merupakan penentu kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran PJK. Penggunaan alatan sebagai alat bantu mengajar adalah penting agar pelajar dapat didedahkan dengan keadaan sebenar bagi sesuatu aktiviti. Dengan teori atau konsep umum sahaja tanpa amalan praktikal sesuatu pengajaran itu menyebabkan pelajar tidak mendapat gambaran sebenar tentang apa yang ingin disampaikan . Lebih-lebih lagi mata pelajaran PJK memerlukan penglibatan domain kognitif, afektif dan psikomotor bagi menentukan pencapaian objektif dan kecergasan yang sebenarnya. Masalah kekurangan alatan PJK dan lebihan sesetengah alatan tertentu seharusnya tidak berlaku sekiranya pihak pengurusan dan panitia membuat kajian dan perancangan awal berdasarkan peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan. Terdapat sesetengah pelajar yang tidak berpeluang untuk mencuba alatan yang digunakan dalam pengajaran PJK kerana jumlahnya yang terhad dan bilangan pelajar yang ramai. Oleh itu keadaan ini akan menyebabkan pelajar hilang minat dan memberi persepsi yang negatif terhadap mata pelajaran PJK di sekolah. Tidak hairanlah kadang-kadang kita dapat lihat sekumpulan pelajar berada di bawah pokok atau tidak mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran PJK.

Terdapat faktor lain yang turut mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan PJK di sekolah selain dari yang dinyatakan di atas, seperti kesesuaian

pakaian guru dan pelajar, mata pelajaran sebelum dan selepas PJK, hari pelaksanaan pengajaran PJK, penyeliaan pentadbir dan sebagainya. Walau bagaimanapun faktor ini saling berhubungan antara satu sama lain. Mengikut *Marliave* dalam kajiannya “Beginning Teacher Evaluation Study” (dalam Ab Rahman Yusoff , 1997) mendapati bahawa keberkesanan sesuatu pengajaran adalah bergantung kepada saling hubungan antara faktor pengajaran guru, kandungan, objektif dan masa yang digunakan. Menurut Mehander (1995) berdasarkan kajian beliau mengenai pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur mendapati bahawa keberkesanan dan kepentingan pelaksanaan pengajaran PJK bergantung kepada keselarasan penyeliaan pihak pentadbir terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan pengajaran PJK. Manakala Ab Rahman Yusoff (1997) dalam kajiannya terhadap pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah menengah daerah Tanah Merah, Kelantan dari mendapati bahawa ramai di kalangan guru yang mengajar PJK tidak mempunyai kelayakan yang khusus. Ini meyebabkan guru tidak menunjukkan minat dan kesungguhan dalam pengajaran mereka.

Terdapat berbagai rungutan, pandangan dan persepsi serta sikap pelajar terhadap pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Didapati prestasi dan penglibatan pelajar dalam program PJK semakin menurun. Terdapat pelajar yang ponteng dan membuat kerja-kerja lain sewaktu pengajaran PJK. Pelajar melibatkan diri secara bebas tanpa kawalan dan pengawasan dari guru yang mengajar. Pelajar juga bebas memakai pakaian (sesetengahnya beruniform sekolah) dan bebas memilih aktiviti atau permainan semata-mata untuk menghabiskan masa yang diperuntukkan untuk PJK. Seseengah pelajar

pula hanya berminat terhadap satu aktiviti sahaja (seperti bola sepak) dan tidak mahu melibatkan diri apabila aktiviti lain diperkenalkan oleh guru. Sikap dan penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran PJK semakin menurun, kebanyakan pelajar tidak bersedia untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran PJK. Terdapat juga pelajar yang beranggapan mata pelajaran PJK tidak penting dan guru tidak menunjukkan ketegasan terhadap sikap dan kawalan terhadap pelajar. Terdapat sekolah yang tidak menjalankan pengajaran PJK kerana menganggap PJK sebagai pengajaran “main-main” yang merugikan pelajar. Masa PJK digantikan dengan pelajaran lain yang dianggap lebih penting. (Ab Rahman Yusoff, 1997).

Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap pelajaran PJK dan pelajar cuba mengasingkan pelajaran PJK dengan aktiviti sukan lain di sekolah, walaupun kedua-duanya saling berkaitan. Berdasarkan situasi yang berlaku di kalangan pelajar terhadap mata pelajaran PJK, persoalannya ialah mengapakan masalah seperti ini boleh wujud di sekolah-sekolah daerah Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Berbagai faktor boleh dikaitkan dengan masalah yang wujud dalam pelaksanaan PJK dan keberkesanannya. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan melihat persepsi dan sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah-sekolah berkenaan yang meliputi guru yang mengajar, kesesuaian masa pengajaran, kemudahan dan peralatan, kurikulum dan sebagainya.

1.3 Tujuan Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah-sekolah menengah Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Kajian ini cuba mengenalpasti aspek-aspek yang berkaitan dengan persepsi dan sikap pelajar berkaitan dengan kesesuaian, peranan dan penglibatan guru, kurikulum, kemudahan dan peralatan, penggunaan dan kesesuaian masa pelajaran PJK. Di samping itu kajian ini juga bertujuan mengenalpasti sama ada terdapatnya pengabaian dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK yang dijalankan di sekolah-sekolah berkenaan dari persepsi pelajar.

Secara khususnya kajian ini adalah bertujuan:-

- 1.3.1 Menentukan tahap persepsi dan sikap pelajar secara keseluruhan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah.
- 1.3.2 Menentukan sama ada terdapat perbezaan persepsi dan sikap yang jelas di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan ciri-ciri demografi yang terpilih.
- 1.3.3 Menentukan sama ada terdapat perkaitan yang jelas di antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK dengan faktor guru, kurikulum, objektif, masa pengajaran dan kemudahan serta peralatan PJK di sekolah.

1.4 Kepentingan Kajian

Banyak kajian telah dijalankan oleh pelbagai pihak sama ada di dalam mahupun di luar negara mengenai aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta keberkesanannya di sekolah-sekolah. Ianya meliputi pelbagai bidang kurikulum dan ko kurikulum yang berkaitan. Bagi mata pelajaran PJK berbagai kajian telah dijalankan oleh individu tertentu berhubung dengan pelaksanaan, keberkesanan, kurikulum, teknik pengajaran dan sebagainya. Contohnya kajian oleh Ab Rahman Yusoff (1997) mengenai pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah menengah Daerah Tanah Merah, Kelantan. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Mahender (1995) mengenai pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah sekitar Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun kajian tersebut hanya melihat kepada aspek atau perspektif guru dan pengurusan serta kurikulum berkaitan dan tidak melihat dari pandangan atau perspektif serta sikap pelajar sendiri terhadap PJK . Oleh itu kajian yang dijalankan ini perlu untuk mengenalpasti perspektif dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah-sekolah. Di samping itu kajian ini juga untuk menentusahkan serta membuat perbandingan terhadap kajian yang telah dibuat oleh pihak-pihak berkenaan.

Kajian ini penting untuk mengenalpasti bagaimanakah persepsi dan sikap pelajar sekolah terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah-sekolah menengah Zon Bangsar , Kuala Lumpur . Kajian ini juga diharapkan dapat mengenalpasti masalah dan kelemahan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK yang berkaitan dengan peranan guru, kurikulum, penggunaan

dan kesesuaian masa, kemudahan dan peralatan serta faktor demografi. Dapatan kajian ini akan dapat memberi gambaran sebenar tentang persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur khususnya dan sekolah-sekolah menengah di Kuala Lumpur amnya. Adalah diharapkan dapatan kajian ini akan dapat memberi maklumbalas kepada guru, pihak pentadbir sekolah, pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pendidikan Malaysia supaya dapat menyediakan dan melaksanakan program PJK, 'in-house training' dan kursus-kursus pendedahan kepada semua warga sekolah secara lebih meluas dan berkesan. Dapatan kajian ini juga akan memberi implikasi kepada kurikulum kursus dan latihan dalam bidang PJK bagi maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti yang menawarkan program tersebut. Dapatan kajian ini nanti boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah-sekolah ke arah memenuhi matlamat pendidikan semasa.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya untuk mengenalpasti persepsi dan sikap pelajar- pelajar sekolah menengah Zon Bangsar, Kuala Lumpur terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Keputusan kajian ini mewakili sampel kajian dan dapat merumus secara umum persepsi dan sikap pelajar sekolah-sekolah tersebut. Ketepatan hasil kajian ini bergantung kepada keikhlasan maklumbalas yang diberikan oleh responden terhadap pernyataan-pernyataan dalam borang

soalselidik. Kajian ini melibatkan beberapa pembolehubah dan prosuder tertentu berdasarkan limitasi berikut:

- a) Kajian akan dijalankan di tiga (3) buah sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur.
- b) Subjek kajian hanya melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah berkenaan.

BAB 2

TINJAUAN BAHAN PENULISAN YANG LEPAS

2.1 Latar Belakang dan Konsep Persepsi

Persepsi seseorang terhadap sesuatu adalah berbeza-beza. Manusia biasanya terdorong untuk mempersepsikan sesuatu berdasarkan kesesuaian mereka berdasarkan apa yang dilihat, didengar atau dibaca.. Dengan memahami bagaimana dan apakah faktor yang mempengaruhi persepsi boleh membantu kita memahami tingkahlaku diri kita sendiri dan juga orang lain. Menurut Chung dan Megginson (1981), persepsi manusia terhadap sesuatu benda atau perkara seringkali berbeza, lantaran itu ia akan menimbulkan perbezaan dari segi tindakan serta perlakuan. Tindakan untuk melakukan sesuatu bergantung kepada daya kognitif yang wujud melalui proses-proses persepsi dan pembelajaran yang pernah dilalui. Persepsi dan pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kelakuan seseorang. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa persepsi seseorang penting untuk dikaji supaya tingkah lakunya dapat difahami dengan lebih mendalam.

Menurut Hussain (1986), proses persepsi dipengaruhi oleh keperluan-keperluan, ingatan, pengalaman, nilai-nilai hidup dan faktor-faktor lain psikologi seseorang

individu. Faktor ini disebut sebagai aspek peribadi. Menurut Kretch dan Cruthfield (1969) persepsi merupakan proses di mana individu menerima dan menginterpretasikan maklumat tertentu. Mc Burney (1977) juga berpendapat persepsi adalah satu proses bertindakbalas organisma kepada objek persekitaran berdasarkan peraturan-peraturan dalam tingkahlakunya. Manakala Jaafar Muhamad (1997) menyatakan persepsi merupakan satu penilaian seseorang terhadap orang lain, benda sekeliling dan juga sesuatu kejadian. Menurutnya lagi, terdapat lima tahap dalam proses pembentukan persepsi seseorang. Proses ini melibatkan penerimaan maklumat, pemprosesan maklumat, adaptasi pengaruh luaran dan dalaman, penghasilan output dan akhirnya mendatangkan reaksi terhadap apa yang dipandang, dengar, baca dan alami.

Umumnya, persepsi wujud setelah individu melalui proses-proses kognitif yang dipengaruhi oleh unsur-unsur dalaman dan luaran yang berbeza dari seorang ke seorang yang lain. Chung dan Megginson (1981) yakin proses persepsi dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti saiz, pergerakan status, penampilan dan faktor dalaman (ciri-ciri pada individu yang membuat persepsi) seperti keperluan, pengalaman lepas, konsep sendiri dan personaliti. Unsur-unsur demikian menyebabkan wujud perbezaan persepsi antara individu kepada individu lain. Oleh itu persepsi adalah pandangan peribadi seseorang terhadap orang lain. Menurut Mohamad Obey (1998) persepsi bukanlah proses yang lazim kerana ia tidak berlaku secara automatik. Ia merupakan proses yang aktif melibatkan beberapa siri proses yang saling berkaitan dan amat kompleks. Secara umumnya persepsi adalah satu proses yang kompleks. Dengannya persepsi, kita memilih, menyusun, mengatur dan memberi makna yang berkisar di atas asas yang kita

tahu, iaitu apa yang pernah kita alami atau saksikan sebelumnya. Ini termasuklah pelajaran, kepercayaan, sikap, pendapat dan khayalan (Ahmad Atory, 1986).

Berdasarkan pandangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa persepsi merupakan satu penilaian yang dibuat oleh seseorang terhadap orang lain, benda-benda lain dan juga sesuatu kejadian. Ini bermakna persepsi merupakan proses di mana manusia membuat penilaian yang subjektif terhadap orang lain dengan merujuk kepada apa yang mampu diperhatikan dan diamati. Kepada organisasi seperti sekolah, persepsi memainkan peranan yang penting. Persepsi membantu dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di sekolah di samping menjalinkan hubungan interpersonal di kalangan guru dan pelajar.

2.2 Konsep Sikap

Menurut Sapiah Ismail (1997), sikap dari segi pemahaman awalnya dimanifestasikan sebagai perasaan yang wujud dalam diri seseorang. Kajian awal yang dilakukan oleh Leuba (1966), menyatakan sikap ialah perasaan yang ditunjukkan dan aspek objektif dan subjek ini ditunjukkan secara langsung terhadap sesuatu dan biasanya memberikan kesan-kesan tertentu. Mager (1968), telah mentafsirkan sikap ialah kecenderungan umum seseorang untuk bertindak di dalam bentuk tertentu apabila berhadapan dengan keadaan tertentu. Manakala Mohd. Daud Hamzah (1990) menyatakan sikap seseorang lebih terdorong kepada sesuatu yang menarik dan memberi makna. Mereka lebih mudah untuk menerima, mengguna dan mengingat sesuatu perkara itu sekiranya ada keserasian terhadapnya dan bersifat negatif terhadap sesuatu yang tidak serasi dengan

mereka. Walaupun begitu, keserasian dan minat terhadap sesuatu boleh berubah melalui pendedahan maklumat yang dilakukan secara berulang-ulang (latihtubi). Langkah ini akan menyebabkan seseorang terdorong untuk meneroka dan menganalisis banyak maklumat untuk dinilai, seterusnya membentuk pandangan dan keserasian yang baru dan keluar daripada ruang lingkup sikap sebelumnya.

Fishbein & Ajzen (1975), telah mengemukakan teori berkaitan sikap yang mengandungi tiga komponen penting iaitu kognitif (minda), afektif (perasaan) dan kognitif (tingkah laku). Secara ringkasnya Teori Sikap yang dikemukakan oleh Fishbein dan Ajzen merumuskan bahawa seseorang individu adalah berpegang kepada banyak kepercayaan terhadap sesuatu objek, di mana kepercayaan tersebut terhasil secara langsung daripada pengalaman. Setiap ciri kepercayaan tersebut berhubungan dengan sikap. Kepercayaan merupakan asas pembinaan struktur konsep sikap, iaitu seseorang akan bertindak berdasarkan kepercayaan yang ada padanya. Kepercayaan yang terbentuk adalah berasaskan pengalaman dan maklumat yang diterima dari luar. Walaupun sikap adalah ditentukan oleh kepercayaan seseorang individu, jumlah kepercayaan yang ada pada setiap individu adalah terhad. Berpandukan kepada konsep dan teori sikap tersebut, maka kajian yang dijalankan ini cuba melihat sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK yang merangkumi tiga komponen tersebut.

2.3 Teori Berkaitan Pembelajaran

Proses pembelajaran merupakan penggabungan antara tindakan guru, kandungan, cara atau kaedah yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan

dalam suatu persekitaran untuk mencapai objektif pada suatu jangkamasa tertentu. Mengikut Asmah Hj. Ahmad (dalam Ab Rahman Yusoff, 1997) pembelajaran merupakan proses menguasai pengetahuan dan kemahiran yang dihasilkan oleh perubahan tingkah laku pelajar sebagai satu pengalaman. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran adalah sebagai hasil pelaksanaan sesuatu bentuk pengajaran dalam sistem pendidikan. Mengikut Gagne (1977), proses pembelajaran terbahagi kepada fasa-fasa tertentu yang melibatkan peranan guru, kandungan pelajaran, objektif dan tindak balas pelajar melalui aktiviti pembelajaran. Mengikut Gagne juga, pembelajaran didorong oleh rangsangan yang bertindak balas terhadap maklumat yang diterima. Maka guru hendaklah bijak menggunakan kepakaran dan kreativitinya untuk menyampaikan maklumat, di samping menyediakan masa yang cukup untuk pelajar bertindak balas melalui penglibatan mereka dalam aktiviti dan tugas pembelajaran.

Menurut Mosston (1965), Harrison (1983) dan Metzler (1990) proses pembelajaran boleh ditingkatkan terutamanya melalui interaksi komponen pelajaran dan proses pengajaran guru yang menjadi faktor utama dalam pra syarat pembelajaran. Dalam model pengajaran Sim {dalam Asmah Hj. Ahmad, 1990 (dalam Ab Rahman Yusoff, 1997)} menerangkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku adalah akibat interaksi antara peranan guru dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Interaksi yang berlaku dipengaruhi oleh ketetapan objektif dan kesesuaiannya dengan kandungan pelajaran yang telah dirancang berlatarbelakangkan persekitaran pembelajaran yang positif. Interaksi antara komponen ini merupakan petunjuk kepada keberkesanan pelaksanaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran yang

menjadi asas kepada tahap pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah menengah. Dalam model ini objektif adalah matlamat yang hendak dicapai, manakala isi kandungan pelajaran atau kurikulum merupakan mesej yang hendak disampaikan berasaskan kepada kebolehan dan keupayaan pelajar. Guru adalah sebagai penggerak atau pembimbing kepada pelajar. Selain daripada itu model ini juga mengambilkira faktor jangka masa sebagai penentu kepada keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada teori pembelajaran yang dikemukakan oleh Gagne dan model Sim tersebut maka dapatlah dirumuskan bahawa faktor guru, isi kandungan pelajaran, objektif dan masa merupakan faktor yang penting dan berupaya bukan sahaja mempengaruhi tetapi sebaliknya dapat menentukan sejauh mana tahap pelaksanaan sesuatu program pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan.

2.4 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan memerlukan guru yang mampu menterjemah dan menguasai pengkaedahan. Perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam kurikulum pendidikan memerlukan guru mengikuti dan menguasai pengkaedahan yang terbaharu. Dalam pelaksanaan pengajaran, salah satu kemahiran yang perlu pada seorang guru ialah kemahiran menyampaikan pengajarannya. Clarke & Cutler (1990) menyatakan tumpuan utama perlu diberikan kepada proses penyampaian walaupun objektif dan isi kandungan dianggap penting oleh guru. Collin et al.(1991) seterusnya berpendapat untuk menyampaikan tajuk yang agak kompleks, guru perlu menggunakan pendekatan pemudahcara bagi membolehkan pelajar mengembangkan potensi

mereka sebagai pelajar yang boleh berdikari. Tuckman dalam Ornstein (1995) pula berpendapat kemahiran pengkaedahan menentukan keberkesanan pelaksanaan pengajaran.

2.5 Pengertian dan Tujuan Pembelajaran PJK

Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) merupakan bahagian integrasi dari suatu proses pendidikan secara keseluruhan, iaitu proses pendidikan melalui kegiatan fizikal yang dipilih untuk mengembangkan dan meningkatkan kemampuan organik, neuromuskuler, interperatif, sosial dan emosional (Bucker, 1979). Menurut Bucher lagi, program PJK di sekolah harus berdasarkan pada dua belas komponen yang meliputi antaranya pelajar, guru, disiplin dan kurikulum.

Melograno (1996) menyatakan bahawa PJK adalah proses memenuhi keinginan pelajar yang meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang secara eksplisit dapat dipenuhi melalui semua bentuk kegiatan jasmani yang diikutinya. Menurut Annartino, et al (1980) terdapat lapan ciri program PJK yang baik, iaitu :

- i. Merupakan salah satu bahagian integrasi yang tidak terpisah dari usaha pendidikan sekolah secara keseluruhan.
- ii. Merupakan salah satu proses yang dapat memberikan pengalaman secara seimbang serta akan mendorong pertumbuhan dan perkembangan di dalam domain fizikal serta psikomotor, kognitif dan afektif.
- iii. Harus berdasarkan kepada kepentingan, keperluan, tujuan dan kemampuan pelajar.

- iv. Memberi pengalaman yang dikaitkan dengan kehidupan dan disesuaikan dengan tingkat kematangan pelajar.
- v. Bahagian integrasi dari masyarakat yang dilayani.
- vi. Tersedia kemudahan yang memadai, agihan waktu yang cukup, peralatan yang memadai, kepemimpinan, dorongan dan memberikan ruang gerak dari kegiatan yang diingini oleh pelajar seluas-luasnya.
- vii. Suatu kerjasama yang erat dengan program sekolah.
- viii. Salah satu cara untuk mempercepatkan dan mendorong perkembangan yang profesional dan keselesaan guru yang terlibat di dalamnya.

Tujuan PJK melalui pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah haruslah disesuaikan dengan tujuan pendidikan yang telah ditetapkan melalui Falsafah Pendidikan Negara. Menurut Bucher (1979) terdapat lima tujuan yang hendak dicapai melalui PJK meliputi aspek organik, neuromuskuler, interperatif sosial dan emosional. Manakala menurut Gabbar (1975) terdapat tiga tujuan pokok yang harus dicapai melalui PJK iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Belajar merupakan satu proses perubahan tingkah laku yang potensial terhadap situasi tertentu yang diperolehi melalui pengalaman yang dilakukan secara berulang-ulang (Hilgard, 1981). Menurut Singer (1980) belajar adalah perubahan-perubahan perilaku yang potensial yang tercermin sebagai akibat dari latihan dan pengalaman masa lalu terhadap situasi tugas tertentu. Belajar menurut pendapat para ilmuan lain adalah perubahan tingkah laku yang mampu bertahan dalam waktu tertentu dan bukan berasal dari proses pertumbuhan. Berdasarkan pengertian tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa proses perubahan tingkah laku

yang relatifnya tetap sebagai akibat dari latihan atau pengalaman. Perubahan tingkah laku hasil dari pembelajaran membawa maksud yang luas yang meliputi keterampilan fizikal, verbal, intelektual dan juga sikap.

2.6 Kajian-kajian Berkaitan

Kajian mengenai pelaksanaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran PJK di negara ini masih kekurangan walaupun terdapat rungutan mengenainya. Terdapat kajian yang telah dijalankan di luar negara mengenai tahap keberkesanan pengajaran yang meliputi faktor guru, masa, kandungan dan kurikulum serta objektif pengajaran. Kajian yang dijalankan oleh Marlieve et al., (1977) mendapati bahawa tahap keberkesanan sesuatu pengajaran adalah ditentukan oleh faktork guru, masa, kandungan dan objektif yang ditetapkan. Manakala Siedentop, Tousignaut dan Parker (1982) pula menyatakan bahawa terdapat hubungan antara masa pengajaran dengan kandungan dan objektif pelajaran. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan mendapati hubungan ini adalah sederhana (Ab Rahman Yusoff, 1997) dan Mahender (1995) pula dalam kajiannya mengenai pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah menengah di Kuala Lumpur menyatakan bahawa aspek penyeliaan pengajaran oleh pihak pentadbir adalah faktor penting yang mempengaruhi pengajaran guru.

Magill dan Hamilton (1986) menyatakan bahawa peranan pendidikan jasmani adalah mendidik bukan sahaja pelajar malah masyarakat keseluruhannya. Moston (1981) seorang pakar pendidikan jasmani menyatakan bahawa mengajar adalah suatu rangkaian yang tetap dari kejadian yang diputuskan. Dalam proses

pembelajaran, guru akan terlibat dalam keputusan-keputusan yang berkaitan dengan tujuan, pengorganisasian kelas, evaluasi dan hubungannya dengan aspek pembelajaran. Dalam pembelajaran pendidikan jasmani, menawarkan beberapa gaya mengajar yang dapat dipilih oleh guru bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Ianya meliputi persediaan sebelum mengajar, semasa mengajar dan selepas pengajaran.

Kurikulum PJK yang dirangka oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) meliputi gabungan semua aspek termasuk isi kandungan, kaedah, bahan dan kemudahan alatan serta melibatkan aspek persekitaran. Pelajaran PJK sebenarnya berupaya memberi sesuatu yang berkesan kepada pelajar melalui satu bentuk kandungan dalam suatu kurikulum yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak pelajar (Bucher, 1979). Weston (dalam Ab Rahman 1997) pula merumuskan bahawa kurikulum adalah satu program yang dirancang untuk kepentingan pelajar dengan mengambil kira faktor sekolah dan keperluan pelajar sebagai matlamat. Ini menunjukkan bahawa sesuatu bentuk kurikulum itu hendaklah bersedia menerima perubahan dan pembaharuan agar menepati matlamat pendidikan sebagai sifat sesuatu kandungan dan kurikulum pelajaran. Manakala Barrow dan McGee (1979) menganggap kurikulum sebagai satu proses yang dinamik dan berterusan iaitu sebagai satu kitaran kitaran kandungan pendidikan yang bermula dengan penetapan objektif diikuti dengan pembentukan program serta kaedah dan berakhir dengan penilaian terhadap hasilnya. Seefeldt dan Vogel (1986) menyatakan bahawa kurikulum PJK hendaklah memberi penekanan terhadap ilmu pengetahuan dan kemahiran sebagai asas bagi amalan cara hidup yang sihat untuk semua pelajar. Manakala Kraff (1989) menyatakan bahawa

kebanyakan pelajar dalam kelas PJK tidak cergas sepenuhnya dan tidak dapat menggunakan kecergasan fizikal untuk melakukan aktiviti kemahiran asas motor. Berdasarkan kajian “National Children and Youth Fitness Study II” oleh Ross dan Pete, 1987 (dalam Ab. Rahman 1997) mendapati bahawa kandungan mata pelajaran PJK di sekolah tidak mencukupi dan menepati matlamat untuk memperkenalkan konsep kecergasan di kalangan pelajar sekolah. Oleh itu, program PJK juga hendaklah dibentuk agar penilaian yang berterusan dapat dijalankan bagi mengkaji tahap pencapaiannya dalam amalan hidup seharian.

Masa pengajaran PJK juga mempunyai kaitan dengan minat, prestasi dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran PJK. Menurut Siedentop, Birdwell dan Metzler (1979) masa pembelajaran akademik dalam PJK mempunyai kaitan antara teknik pengajaran dan penglibatan pelajar dalam menjalankan tugas pembelajaran. Oleh itu menurut Ab Rahman (1997) ianya menunjukkan bahawa penggunaan masa tersebut secara tidak langsung dapat menentukan tahap keberkesanan pengajaran dan juga penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Manakala Singer (1976) menyatakan bahawa PJK masih terikat dengan cara tradisi , masa pengajaran PJK akan lebih banyak digunakan untuk aktiviti persediaan awal dan akhir bagi setiap sesi pengajaran sahaja. Berdasarkan pengalaman pengkaji, didapati banyak masa terbuang melalui persediaan awal dan akhir, manakala waktu pengajaran sebenar cuma separuh dari waktu yang diperuntukkan. Oleh itu banyak masa terbuang dalam proses pembelajaran PJK di sekolah-sekolah. Menurut Dougherty dan Bonanno, 1979 (dalam Ab Rahman, 1997) dalam pemerhatian mereka, mendapati bahawa pengajaran kelas dijalankan mengikut fasa-fasa tertentu iaitu pengurusan,

pengarahan dan aktiviti. Limitasi masa untuk aktiviti menggambarkan bahawa sistem pengajaran guru tidak menepati kehendak dan matlamat pengajaran. Situasi inilah yang menyebabkan wujudnya rungutan dan seterusnya minat dan konsentrasi pelajar terhadap pengajaran PJK di sekolah semakin merosot. Kesimpulannya didapati wujud tanggapan bahawa pengajaran PJK tidak dilaksanakan secara bersungguh-sungguh di sekolah-sekolah.


BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Kerangkakerja Teoritikal

Kajian ini ditumpukan kepada mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dan juga faktor awalan atau “moderating” yang dijangka mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pelaksanaan PJK. Model rangka teoritikal bagi kajian ini adalah seperti Gambarajah 3.1 di bawah:

Gambarajah 3.1: Model Rangkakerja Teoritikal



3.2 Hipotesis Kajian

Di dalam kajian ini, beberapa hipotesis nol telah dibentuk berdasarkan faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Hipotesis-hipotesis nol tersebut adalah berkaitan dengan faktor demografi pelajar, guru, kurikulum, objektif, masa pengajaran, kemudahan serta peralatan PJK dan hubungannya dengan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Hipotesis-hipotesis nol tersebut adalah seperti berikut:

- 3.2.1 Pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur tidak mempunyai sikap yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK.
- 3.2.2 Tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan jantina.
- 3.2.3 Tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan kumpulan etnik.
- 3.2.4 Tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan aliran persekolahan.
- 3.2.5 Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor guru.

- 3.2.6 Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor kandungan kurikulum PJK.
- 3.2.7 Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor objektif mata pelajaran PJK.
- 3.2.8 Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor masa pengajaran.
- 3.2.9 Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor kemudahan dan peralatan.

3.3 Rekabentuk Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Untuk itu kajian jenis “ survey” telah dipilih dan difikirkan sesuai untuk kajian ini kerana ia melibatkan ukuran persepsi terhadap sesuatu fenomena dan dengan itu menggunakan bilangan responden yang ramai. Peranan guru, kandungan kurikulum, objektif, masa dan kemudahan dan kelengkapan merupakan faktor yang diberikan penekanan dan dianggap mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pengajaran PJK di sekolah. Di samping itu keberkesanan pelaksanaan pengajaran PJK ini turut dipengaruhi oleh faktor

demografi seperti jenis sekolah, umur, bangsa, jantina dan juga pengkhususan pelajaran.

3.4 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di lima buah sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Antara sekolah yang dipilih secara rawak dalam kajian ini ialah SMK. La Salle Brickfields, SMK. Bangsar dan SMK. Bukit Bandaraya , Kuala Lumpur. Kesemua sekolah ini terletak di Zon Bangsar dan terdiri dari sekolah campuran dan juga sekolah lelaki.

3.5 Subjek Kajian

Subjek kajian ini terdiri dari pelajar-pelajar tingkatan empat sahaja iaitu dalam lingkungan umur 16 dan 17 tahun kesemuanya adalah dalam tiga buah sekolah tersebut. Sampel kajian ini terdiri daripada 400 pelajar daripada keseluruhan jumlah populasi pelajar tingkatan 4 di Zon Bangsar, Kuala Lumpur iaitu di tiga buah sekolah berkenaan.

3.6 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set borang soal selidik. Soal selidik dalam kajian ini adalah dalam bentuk skala Likert. Responden diminta menunjukkan persetujuan dengan menggunakan satu skala 5 poin terhadap setiap pernyataan-pernyataan mengenai persepsi mereka terhadap item guru, masa,

kurikulum, objektif dan juga kemudahan peralatan PJK di sekolah. Item soal selidik untuk kajian ini direkabentuk khas oleh pengkaji untuk memperolehi maklum balas dari pelajar tentang persepsi dan sikap mereka terhadap pelaksanaan pengajaran PJK di sekolah. Soalan-soalan soal selidik ini bertujuan untuk meninjau maklumat demografi pelajar-pelajar manakala pernyataan yang telah disediakan pula bertujuan untuk mengenalpasti persepsi dan sikap pelajar terhadap item yang telah ditentukan. Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A mengandungi enam soalan iaitu mengenai data demografi pelajar. Bahagian B mengandungi 12 pernyataan sikap yang merangkumi aspek atau komponen afektif, tingkah laku dan kognitif.

Bahagian C mengandungi pernyataan-pernyataan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK. Bahagian ini dibahagikan lagi kepada 5 seksyen. Seksyen I meninjau pengaruh guru ke atas persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan PJK. Seksyen II meninjau pengaruh kurikulum PJK ke atas persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan PJK di sekolah. Seksyen III meninjau pengaruh objektif pengajaran PJK ke atas persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan PJK. Seksyen IV meninjau pengaruh masa pengajaran PJK ke atas persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan PJK. Manakala Seksyen V meninjau pengaruh kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah ke atas persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah.

Skala Likert digunakan untuk mendapatkan skor bagi kajian ini. Skala ini memerlukan responden memberi respon kepada satu siri kenyataan dengan

menyatakan sama ada sangat setuju, setuju, sederhana setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Setiap skala ini membawa suatu nilai poin, dan skor setiap individu ditentukan dengan menjumlahkan nilai poin yang diperolehi bagi setiap kenyataan tersebut. Bagi setiap skala, nilai poin adalah seperti berikut; 5 bagi (sangat setuju), 4 bagi (setuju), 3 bagi (sederhana setuju), 2 bagi (tidak setuju) dan 1 bagi (sangat tidak setuju). Dalam kajian ini kesemua pernyataan adalah berbentuk pernyataan positif dan markah poin atau markah yang tinggi bagi pernyataan yang positif akan menunjukkan persepsi dan sikap positif responden. Jumlah skor yang tinggi dalam soal selidik ini akan menunjukkan bahawa responden bersikap positif ke atas objek sikap yang dikaji (Gay, 1987).

3.7 Pengumpulan Data

Surat kebenaran untuk menjalankan kajian ini telah dihantar bersama-sama proposal penyelidikan ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia . Setelah menerima surat kebenaran daripada bahagian ini, surat kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur telah dihantar ke Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selepas memperolehi surat kebenaran dari Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kebenaran dari pengetua sekolah-sekolah berkenaan diperolehi untuk menggunakan pelajar-pelajar sekolah berkenaan sebagai sampel kajian. Pengedaran borang soal selidik kepada pelajar dilakukan oleh guru PJK sekolah-sekolah berkenaan dan masa untuk menjawab soal selidik berkenaan ialah 30

minit. Borang soal selidik yang telah dijawab oleh pelajar dipungut semula oleh pengkaji dalam masa seminggu untuk tujuan analisa.

3.8 Analisis Data

Data yang dikumpul akan dianalisis berdasarkan rating yang ditetapkan untuk semua perkara atau item yang dikaji dengan menggunakan statistik diskriptif. Data dianalisis dengan menggunakan program “Statistical Package For The Social Sciences” (SPSS Versi 11.0) untuk mendapatkan nilai min, kekerapan dan peratusan. Manakala statistik inferensi digunakan bagi menguji hipotesis kajian dan Ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menguji sama ada wujud perbezaan antara kumpulan min bagi mendapat gambaran yang lebih tepat. Ujian regresi dan kolerasi digunakan untuk menguji sama ada wujud hubungan di antara faktor yang telah dikenalpasti yang mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Pemilihan alat statistik untuk menguji hipotesis dalam kajian ini adalah berpandukan kepada kaedah memilih ujian statistik yang disarankan oleh Tuckman (1979).

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan dapatan-dapatan kajian mengenai persepsi dan sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Dapatan-dapatan kajian yang akan dihuraikan dalam bab ini termasuklah ciri-ciri demografi pelajar, persepsi dan sikap pelajar secara keseluruhan terhadap PJK di sekolah. Seterusnya diikuti dengan huraian analisis deskriptif berkenaan dengan jumlah dan peratus skor faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Seterusnya diikuti dengan huraian mengenai ukuran sikap pelajar. Huraian selanjutnya akan menerangkan perbezaan sikap pelajar berdasarkan ciri-ciri demografi pelajar. Ini akan diikuti dengan huraian perkaitan persepsi dan sikap pelajar dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Huraian terakhir dalam bab ini ialah mengenai kekuatan hubungan antara sikap pelajar dengan faktor atau faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap PJK di sekolah. Setiap huraian dalam bab ini akan diikuti dengan pengujian hipotesis dan perbincangan yang menyokong dapatan kajian ini.

4.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Pekali Cronbach Alpha digunakan sebagai ukuran kebolehpercayaan instrumen kajian ini. Dalam kajian rintis yang dijalankan, instrumen kajian bagi persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK, mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Cronbach Alpha 0.9483. Dalam kajian sebenar, kebolehpercayaan instrumen memberikan nilai Cronbach Alpha 0.9432. Keadaan ini digambarkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Hasil Ujian Kebolehpercayaan Ke Atas Instrumen Kajian

Aspek	Cronbach Alpha Kajian Rintis	Cronbach Alpha Kajian Sebenar
Faktor Guru	0.9123	0.9057
Faktor Kurikulum	0.8917	0.8302
Faktor Objektif	0.9428	0.9048
Faktor Masa Pengajaran	0.8807	0.7936
Faktor Kemudahan dan Kelengkapan	0.8371	0.8010
Keseluruhan	0.9483	0.9432

Sumber : Data Kajian

4.3 Ciri-ciri Demografi Responden

Terdapat 3 ciri demografi responden yang akan dihuraikan dalam bab ini. Ciri-ciri tersebut ialah jantina, bangsa dan aliran persekolahan.

4.3.1 Jantina

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Daripada jadual ini didapati bahawa 57.9 peratus adalah responden lelaki manakala 42.1 peratus adalah responden perempuan.

Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	217	57.9
Perempuan	158	42.1
Jumlah	375	100

Sumber : Data Kajian

Nisbah purata di antara responden perempuan dan lelaki ialah 1 : 1.37. Secara kasarnya bilangan responden lelaki dan responden perempuan dalam kajian ini adalah hampir sama. Perangkaan ini juga hampir mewakili nisbah pelajar lelaki dan perempuan dalam keseluruhan populasi responden yang dikaji.

4.3.2 Bangsa atau Keturunan

Jadual 4.3, menunjukkan taburan responden berdasarkan kumpulan etnik. Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai bangsa atau keturunan. Bangsa atau keturunan responden seperti yang terdapat di dalam borang soal selidik adalah Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Jadual 4.3 : Taburan Responden Mengikut Kumpulan Etnik

Bangsa/Keturunan	Bilangan	Peratus
Melayu	238	63.5
Cina	46	12.3
India	88	23.5
Lain-lain	3	0.8
Jumlah	375	100

Sumber : Data Kajian

Bangsa Melayu mewakili peratusan yang terbesar berbanding dengan bangsa-bangsa yang lain. Ia mewakili 63.5 peratus daripada jumlah bangsa responden. Ini diikuti dengan bangsa India iaitu 23.5 peratus. Bangsa Cina pula mewakili 12.3 peratus daripada jumlah responden. Daripada perangkaan ini, didapati kebanyakan responden dalam kajian ini terdiri daripada bangsa Melayu, diikuti dengan bangsa India dan Cina.

4.3.3 Aliran Persekolahan

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden berdasarkan aliran persekolahan. Terdapat beberapa aliran persekolahan bagi pelajar-pelajar tingkatan empat. Ini termasuklah aliran sains, aliran sastera, aliran perdagangan dan aliran perakaunan. Untuk memudahkan penganalisan data, dua kategori aliran telah ditetapkan iaitu aliran sains dan bukan sains. Aliran sastera, perdagangan dan perakaunan telah disatukan di bawah kategori bukan sains. Daripada jadual 4.4 didapati bahawa 64.8 peratus responden adalah dari aliran bukan sains manakala bakinya 35.2 peratus

responden terdiri daripada aliran sains. Nisbah purata sebenar di antara pelajar sains dan bukan sains ialah 1 : 2 iaitu seorang pelajar aliran sains bagi setiap 2 orang pelajar bukan sains.

Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Aliran

Aliran	Bilangan	Peratus
Bukan sains	243	64.8
Sains	132	35.2
Jumlah	375	100.0

Sumber : Data Kajian

Keadaan yang digambarkan dalam Jadual 4.4 adalah disebabkan oleh bilangan kelas sains berbanding dengan kelas bukan sains yang terdapat di setiap sekolah tersebut. Secara purata setiap sekolah memperuntukkan hanya lima kelas untuk tingkatan empat dan daripada itu empat buah kelas diperuntukkan bagi kelas aliran bukan sains manakala hanya sebuah kelas bagi aliran sains. Keadaan ini adalah disebabkan oleh bilangan pelajar yang diagihkan ke kelas sains serta yang memohon masuk ke kelas sains adalah terhad.

4.4 Pengukuran Persepsi dan Sikap Responden Terhadap PJK.

HO : Pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur tidak mempunyai sikap yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK.

Jumlah skor yang telah diperolehi oleh responden bagi kesemua dua belas item sikap adalah seperti dalam Jadual 4.5. Skor yang diperolehi ini diatur dalam bentuk julat skor. Jadual 4.5 menunjukkan bahawa skor minima yang sebenarnya bagi 12 item sikap tersebut ialah 12 poin dan skor maksima pula ialah 60 poin. Skor minima yang diperolehi oleh responden ialah 12 dan skor maksimum ialah 60.

Didapati bahawa 2.93 peratus responden mencapai skor di antara 12 hingga 22 poin dan 14.13 peratus mencapai skor 23 hingga 32. Terdapat peningkatan peratusan bagi skor poin di antara 33 hingga 42 iaitu 33.33 peratus diikuti dengan peningkatan kepada 35.47 peratus bagi skor poin 43 hingga 52. Manakala bagi skor poin 53 hingga 62 didapati 14.13 peratus responden mencapai skor tersebut.

Jadual 4.5 : Taburan Frekuensi Skor Penilaian Sikap

Julat Skor Poin	Bilangan	Peratus
12 – 22	11	2.93
23 – 32	53	14.13
33 – 42	125	33.33
43 – 52	133	35.47
53 – 60	53	14.13
Jumlah	375	100.00

Min = 41.52

SD = 9.828

Sumber: Data Kajian

Dari analisis 12 item sikap terhadap PJK didapati bahawa 43.2 peratus responden sangat setuju bahawa mereka gembira mengikuti kelas PJK (skala persetujuan 1=sangat tidak setuju, hingga 5 sangat setuju; Min=4.09 dengan SD=1.023),

manakala 36.3 peratus responden bersetuju bahawa kelas PJK amat menarik dan mereka berminat mengikutinya. Dari segi keseronokan dan kepuasan ketika mengikuti kelas ini, 32 peratus responden menyatakan mereka sangat setuju, manakala 30.7 peratus responden bersetuju bahawa mata pelajaran ini sama penting dengan mata pelajaran lain. Pernyataan-pernyataan lain yang kurang mendapat persetujuan responden adalah seperti berikut; bagi pernyataan mata pelajaran PJK sebagai pilihan utama hanya 63.5 peratus sahaja yang menunjukkan persetujuan. Bakinya 36.5 peratus responden menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju. Bagi pernyataan PJK harus dijadikan sebagai satu mata pelajaran utama 56.3 peratus responden menyatakan persetujuan manakala 43.7 peratus responden menyatakan tidak setuju.

Secara purata dari analisis item sikap didapati bahawa responden dalam kajian ini agak selesa dengan sistem pengajaran PJK yang ada sekarang ini. Kepentingan mata pelajaran PJK, keperluan menambah masa pengajaran dan PJK harus dijadikan sebagai satu mata pelajaran peperiksaan secara puratanya responden menyatakan sikap yang agak sederhana setuju.

Huraian seterusnya ialah berkaitan dengan penentuan persepsi dan sikap keseluruhan responden terhadap PJK di sekolah. Jadual 4.6 menunjukkan penentuan persepsi dan sikap secara keseluruhan responden terhadap PJK. Penentuan persepsi dan sikap responden terhadap PJK adalah berdasarkan jumlah skor yang telah diperolehi dan penilaian 12 item sikap. Skala Likert telah digunakan untuk menyukat sikap responden. Skor minimum untuk penilaian

persepsi dan sikap ialah 12 poin dan skor maksimum ialah 60 poin dengan itu skor penengah bagi penilaian sikap ini ialah 36.

Jadual 4.6 : Persepsi dan Sikap Pelajar Terhadap PJK

Persepsi/ Sikap	Julat Skor	Bilangan	Peratus
Negatif	12 - 36	120	32.00
Positif	37 - 60	255	68.00
Jumlah		375	100.00

Sumber: Data Kajian

Skor penengah ini diperolehi dengan mendarabkan min skala Likert dengan jumlah bilangan item penilaian sikap ($3 \times 12 = 36$). Skor poin ini dijadikan ukuran penengah iaitu ukuran bagi menentukan kategori responden sama ada bersikap negatif atau bersikap positif terhadap PJK. Penentuan kategori bersikap negatif dan positif ini adalah berdasarkan buku panduan 'Child Behavioral Checklist' oleh Achenbach (1991). Berdasarkan kriteria ini responden yang memperoleh jumlah skor sikap 37 poin ke atas dikategorikan sebagai bersikap positif terhadap PJK. Manakala responden yang memperoleh skor 36 poin dan ke bawah di kategorikan sebagai bersikap negatif terhadap PJK.

Daripada Jadual 4.6 dapat diperhatikan bahawa 68 peratus responden menunjukkan sikap positif terhadap PJK di sekolah manakala hanya 32 peratus responden yang menunjukkan sikap negatif. Di sini dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar daripada responden menunjukkan sikap yang positif terhadap PJK.

Dengan yang demikian hipotesis nol pertama yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur tidak mempunyai sikap yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK, ditolak.

4.5 Analisis Deskriptif Berdasarkan Jumlah Skor Bagi Setiap Pembolehubah.

Jawapan responden yang berdasarkan soal selidik dianalisis secara statistik diskriptif. Setiap skor yang diperolehi disusun mengikut skala rating satu (sangat tidak setuju) hingga lima (Sangat setuju) dan dikira untuk mendapatkan skor min, kekerapan dan peratusan mengikut skala yang telah ditetapkan dalam Jadual 4.7 sebagaimana berikut:-

Jadual 4.7 : Skor dan Skala Rating Bagi Setiap Faktor Yang Dikaji.

Skala Rating	Skor Rating				
	(I)	(II)	(III)	(IV)	(V)
Sangat Tidak Setuju	0-11	0-4	0-6	0-5	0-5
Tidak Setuju	12-22	5-8	7-12	6-10	6-10
Sederhana Setuju	23-33	9-12	13-18	11-15	11-15
Setuju	34-44	13-16	19-24	16-20	16-20
Sangat Setuju	45-55	17-20	25-30	21-25	21-25

Sumber : Data Kajian

Petunjuk:

- (I) Faktor Guru
- (II) Faktor Kurikulum
- (III) Faktor Objektif
- (IV) Faktor Masa Pengajaran
- (V) Faktor Kemudahan dan Peralatan

4.5.1 Faktor guru

Persepsi dan penilaian pelajar terhadap peranan dan penglibatan guru dalam menentukan sikap mereka terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK dilihat dari aspek kesediaan, minat, kawalan, kaedah pengajaran, penggunaan alat serta penggunaan masa pengajaran guru dan cara penyampaian mata pelajaran PJK yang diajar. Keputusan yang diperolehi adalah sebagaimana dapatan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Guru

Rating	Skor	Kekerapan	%
Sangat Tidak Setuju	0-11	7	1.9
Tidak Setuju	12-22	18	4.8
Sederhana Setuju	23-33	92	24.5
Setuju	34-44	152	40.5
Sangat Setuju	45-55	106	28.3
		(n=375)	100%

Sumber : Data Kajian

Keputusan berdasarkan faktor ini didapati berada pada tahap 'setuju'. Keputusan yang diperolehi berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran PJK menunjukkan hanya 1.9% (n=7) responden menyatakan 'sangat tidak setuju', 40.5% (n=152) menyatakan 'setuju' dan sebanyak 28.3% (n=106) menyatakan 'sangat setuju'. Ini menggambarkan bahawa keputusan bagi faktor ini

adalah 'setuju' dengan skor min 38.18 dan mod 40. Secara tidak langsung ia menandakan bahawa aspek ini iaitu guru yang mengajar PJK mendapat persepsi yang baik dari pelajar-pelajar mereka. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki terutama berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran guru.

4.5.2 Faktor Kurikulum

Bagi faktor ini skor yang diperolehi dianalisis mengikut peratus dan kekerapan. Keputusan berdasarkan kepada dapatan kajian berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap kandungan kurikulum PJK adalah sebagaimana Jadual 4.9.

Keputusan berkaitan dengan faktor kurikulum dan kandungannya didapati berada pada tahap 'setuju'. Terdapat sebanyak 3.5% (n=13) mengatakan 'sangat tidak setuju' dengan kurikulum yang ada, 28.0% (n=105) mengatakan 'sederhana setuju' manakala 38.7% (n=145) 'setuju' dengan kurikulum dan kandungan PJK yang ada. 24.5% (n=92) pula menyatakan persepsi yang 'sangat setuju' dengan kurikulum yang ada. Keputusan ini menunjukkan bahawa faktor kurikulum dan kandungan mata pelajaran PJK mendapat persepsi yang positif di kalangan pelajar tetapi pada tahap sederhana dengan skor min 13.80 dan mod 12. Ini bermakna bahawa aspek ini masih boleh dibaiki terutama dari segi kerelevanan dan pemilihan isi pelajaran. Selain dari itu, penekanan juga haruslah diberikan kepada

rancangan pelajaran mingguan dan harian, bahan dan kandungan agar selaras dengan keperluan pelajar.

Jadual 4.9 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Kurikulum

Rating	Skor	Kekerapan	%
Sangat Tidak Setuju	0-4	13	3.5
Tidak Setuju	5-8	20	5.3
Sederhana Setuju	9-12	105	28.0
Setuju	13-16	145	38.7
Sangat Setuju	17-20	92	24.5
		(n=375)	100%

Sumber : Data Kajian

Tousignaut dan Siedentop (1983) turut memberi penekanan kepada satu perancangan kurikulum yang baik bagi menjamin keseimbangan antara isi pelajaran dan cara atau kaedah penyampaian guru. Manakala Goodlad (1984) pula menambah bahawa unsur “instructional” dan “knowledge test” hendaklah diutamakan dalam pembentukan kurikulum.

4.5.3 Faktor Objektif Mata Pelajaran PJK

Keputusan yang diperolehi berkaitan dengan faktor ini adalah untuk menilai sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap tujuan dan keberkesanan

mata pelajaran ini berdasarkan peratus kekerapan skor mengikut skala yang telah ditentukan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Objektif PJK

Rating	Skor	Kekerapan	%
Sangat Tidak Setuju	0-6	8	2.1
Tidak Setuju	7-12	9	2.4
Sederhana Setuju	13-18	64	17.1
Setuju	19-24	141	37.6
Sangat Setuju	25-30	153	40.8
Jumlah		(n=375)	100%

Sumber : Data Kajian

Keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor objektif pengajaran PJK dari persepsi pelajar adalah positif di mana 40.4% (n=153) responden menyatakan sangat setuju dengan objektif dan pencapaiannya dalam pengajaran dan pembelajaran PJK. Cuma 2.4% (n=9) responden sahaja yang menyatakan tidak setuju dengan objektif dan pencapaiannya. Ini menunjukkan objektif yang dibentuk dari mata pelajaran ini memenuhi kehendak dan sesuai dengan responden, dengan skor min 22.93 dan mod 24. Walau pun faktor ini menunjukkan tahap 'setuju' yang agak tinggi, aspek ini tidak harus diabaikan kerana ia merupakan hasil sesuatu pembelajaran di mana objektif dan falsafah merupakan panduan yang menjana proses pengajaran dan pembelajaran.

4.5.4 Faktor Masa Pengajaran PJK

Dari segi penggunaan masa pengajaran PJK, aspek yang ditekankan ialah sejauhmanakah masa itu digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran PJK. Penggunaan masa ini dilihat dari aspek peruntukan dan penjadualan pengajaran dengan menekankan kepada masa pengajaran PJK semata-mata. Peruntukan masa ini meliputi masa yang digunakan untuk penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran termasuk masa yang digunakan untuk latihan, demonstrasi, pembetulan, peneguhan dan penyampaian isi pelajaran yang dianggap sebagai masa pengajaran sebenar. Dari sudut persepsi pelajar yang diuji dalam faktor ini meliputi kesesuaian dan penggunaan masa PJK, kecukupan masa, penggunaan masa pengajaran dan pembelajaran keseluruhannya.

Jadual 4.11 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Masa Pengajaran

Rating	Skor	Kekerapan	%
Sangat Tidak Setuju	0-5	14	3.7
Tidak Setuju	6-10	48	12.8
Sederhana Setuju	11-15	170	45.4
Setuju	16-20	143	38.1
Sangat Setuju	21-25	0	0
Jumlah		(n=375)	100%

Sumber : Data Kajian

Dapatan kajian ini (Jadual 4.11) menunjukkan bahawa faktor ini dari persepsi pelajar adalah agak sederhana. Sebanyak 3.7% (n=14) responden menyatakan 'sangat tidak setuju', 45.4% (n=170) menyatakan 'sederhana setuju', 38.1% (n=143) 'setuju', manakala tiada responden yang memberi persepsi dan sikap 'sangat setuju' bagi faktor ini. Berdasarkan keputusan ini, maka didapati penggunaan masa kurang diberi perhatian oleh guru dan secara keseluruhannya berada pada tahap 'sederhana' dengan skor min 13.9 dan mod 16. Ini adalah kerana masih ada amalan turutan yang menjadi tradisi kebanyakan guru dalam pengajaran PJK di sekolah. Amalan sebegini mengikut Singer (1976), akan mengurangkan jumlah masa untuk aktiviti pembelajaran. Sebaliknya masa banyak dihabiskan untuk aktiviti-aktiviti persediaan sama ada pada awal atau akhir sesuatu kelas. Oleh itu, penggunaan masa perlu diawasi selalu agar masa PJK tidak disalahgunakan terutama ketika cuaca kurang baik dan semasa kesibukan sekolah menghadapi masa-masa ujian dan peperiksaan.

4.5.5 Faktor Kemudahan dan Peralatan

Keputusan yang diperolehi berkaitan dengan faktor ini adalah untuk menilai sejauhmana ianya mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan peratus kekerapan skor mengikut skala yang telah ditentukan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.12 di bawah.

Jadual 4.12 : Skor dan Skala Rating Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Kemudahan dan Peralatan

Rating	Skor	Kekerapan	%
Sangat Tidak Setuju	0-5	9	2.4
Tidak Setuju	6-10	34	9.1
Sederhana Setuju	11-15	96	25.6
Setuju	16-20	151	40.2
Sangat Setuju	21-25	85	22.7
		(n=375)	100%

Sumber : Data Kajian

Keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor kemudahan dan peralatan mendapat persepsi yang positif dari pelajar, di mana cuma 2.4% (n=9) menyatakan 'sangat tidak setuju', manakala 40.2%(n=151) menyatakan 'setuju' dan 22.7% (n=85) menyatakan 'sangat setuju'. Keputusan ini menunjukkan bahawa aspek berkaitan dengan kemudahan dan peralatan PJK secara keseluruhannya berada pada tahap 'sederhana tinggi' dengan skor min 16.87 dan mod 15. Ini bermakna faktor ini masih boleh dibaiki terutama dari segi jumlah dan kesesuaiannya kepada pelajar.

4.6 Perbandingan Persepsi dan Sikap Responden Terhadap PJK Berdasarkan Ciri-ciri Demografi.

Setelah diteliti ciri-ciri demografi dan mengenal pasti sikap responden terhadap PJK, huraian seterusnya akan tertumpu kepada penemuan perbandingan sikap responden berdasarkan ciri-ciri demografi responden. Setiap huraian dalam

bahagian ini akan dimulakan dengan hipotesis nol bagi setiap faktor yang hendak diuji, diikuti dengan keputusan ujian yang diperolehi.

4.6.1 Perbandingan Persepsi dan Sikap Responden Berdasarkan Jantina.

HO : Tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan jantina.

Ujian-t digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min sikap yang signifikan di antara responden perempuan dan lelaki terhadap PJK. Didapati min sikap responden lelaki dan perempuan adalah 3.74 dan 3.07. Ini menunjukkan kedua-dua kumpulan responden ini mempunyai sikap yang positif terhadap PJK. Jadual 4.13 menunjukkan keputusan Ujian-t bagi perbandingan min sikap responden terhadap PJK berdasarkan perbezaan jantina. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min sikap yang signifikan terhadap PJK di antara responden lelaki dan perempuan. Nilai t yang diperolehi ialah 8.481 pada aras 0.000 iaitu < 0.025 . Ini menunjukkan bahawa perbezaan antara sikap pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah signifikan.

Dengan yang demikian hipotesis nol kajian ini yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan terhadap PJK antara responden mengikut jantina, ditolak.

Jadual 4.13 : Ujian-t Sikap Terhadap PJK Berdasarkan Jantina.

Sikap Terhadap PJK	n	Min	SP	dk	t	Sig.t
Lelaki	217	3.74	0.773	373	8.4810	0.000
Perempuan	158	3.07	0.719	351.550	8.579	

Sumber : Data Kajian

Penunjuk : SP = Sisihan Piawai, dk = Darjah Kebebasan

4.6.2 Perbandingan Persepsi dan Sikap Responden Terhadap PJK Berdasarkan Kumpulan Etnik.

HO : Tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan kumpulan etnik.

Analisis Varian Sehal digunakan untuk melihat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan terhadap PJK berdasarkan kumpulan etnik. Hasil Analisis Varian Sehal di Jadual 4.14 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan ($F = 1.919$, $p=0.126$ iaitu >0.05) terhadap PJK di kalangan responden yang berlainan kumpulan etnik.

Jadual 4.14 : Analisis Varian Sehalu Sikap Responden Terhadap PJK Berdasarkan Kumpulan Etnik.

Sumber	df	MS	Nisbah F	p
Antara Kumpulan	3	1.278	1.919	0.126
Dalam Kumpulan	371	0.666		
Jumlah	374			

Sumber : Data Kajian

Oleh yang demikian hipotesis nol yang ketiga yang menyatakan tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan kumpulan etnik, diterima.

4.6.3 Perbandingan Persepsi dan Sikap Responden Terhadap PJK Berdasarkan Aliran Persekolahan

HO : Tidak terdapat perbezaan min persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan aliran persekolahan.

Berdasarkan keputusan Ujian-t daripada Jadual 4.15 didapati bahawa terdapat perbezaan min sikap responden yang signifikan terhadap PJK berdasarkan aliran persekolahan mereka.

Jadual 4.15 : Ujian-t Sikap Responden Terhadap PJK Berdasarkan Aliran Persekolahan.

Sikap Terhadap PJK	N	Min	SP	dk	t	Sig.
Aliran Bukan Sains	132	3.29	0.875	3.73	-2.971	0.003
Aliran Sains	243	3.55	0.774	242.319	-2.865	

Sumber : Data Kajian

Penunjuk : SP = Sisihan Piawai, dk = darjah kebebasan

Min sikap bagi responden dari aliran bukan sains ialah 3.29 manakala min sikap bagi responden dari aliran sains pula ialah 3.55. Ujian Levene menunjukkan nilai F 4.062 dengan aras signifikan 0.045 iaitu <0.05 . Hipotesis nol kajian ini menyatakan bahawa varians bagi kedua-dua kumpulan ini adalah seragam ditolak. Dengan itu bacaan nilai t dirujuk kepada baris yang menyatakan varians bagi kedua-dua kumpulan ini adalah tidak seragam. Nilai t yang diperolehi ialah -2.971 dan pada aras 0.003 iaitu <0.025 . Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min sikap yang signifikan terhadap PJK di antara responden dari aliran bukan sains dengan responden dari aliran sains. Perbezaan min menunjukkan responden dari aliran sains lebih bersikap positif terhadap PJK berbanding dengan responden dari aliran bukan sains.

Dengan dapatan ini hipotesis nol keempat yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan min sikap terhadap PJK yang signifikan di antara responden aliran bukan sains dan sains, ditolak.

Secara perbandingan didapati responden di kalangan aliran sains lebih bersikap positif terhadap PJK daripada responden aliran bukan sains. Salah satu kemungkinan yang boleh dikaitkan dengan dapatan kajian ini ialah sumber maklumat. Pada umumnya PJK banyak berkaitan dengan fakta sains dan teknikal, sama ada dari segi nama mahu pun amalannya. Bagi responden dari aliran sains, maklumat ini adalah maklumat yang biasa dan mungkin telah diketahui dahulu. Oleh itu wujud kesedaran yang lebih di kalangan pelajar aliran sains tentang kepentingan kecergasan dan kesihatan melalui PJK. Oleh itu kesedaran tentang pentingnya amalan dan pengetahuan mengenai kecergasan badan merupakan faktor yang menyebabkan pelajar dari aliran sains bersikap lebih positif terhadap mata pelajaran ini.

4.7 Perkaitan di antara Persepsi dan Sikap Responden dengan Faktor yang Mempengaruhinya.

Analisis korelasi Pearson 'r' digunakan untuk menentukan perkaitan di antara persepsi dan sikap responden terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK dengan beberapa faktor yang didapati boleh mempengaruhinya. Keputusan yang terdapat dalam Jadual 4.16 adalah diperoleh melalui statistik korelasi Pearson 'r' di antara sikap responden terhadap PJK dengan faktor-faktor yang

dianggap boleh mempengaruhi sikap responden terhadap PJK. Faktor-faktor tersebut ialah faktor guru, kurikulum, objektif, masa pengajaran dan kemudahan dan peralatan.

Jadual 4.16: Keputusan Korelasi Di antara Sikap Dengan Faktor-faktor Yang Mempengaruhinya. (N=375)

	Sikap	Guru	Kurikulum	Objektif	Masa Pengajaran	Kemudahan dan peralatan
Sikap	1	.429**	.699**	.649**	.495**	.364**
Guru		1	.542**	.557**	.508**	.474**
Kurikulum			1	.707**	.523**	.415**
Objektif				1	.560**	.446**
Masa Pengajaran					1	.504**
Kemudahan dan Peralatan						1

Sumber : Data Kajian

Petunjuk : ** signifikan pada aras < 0.01 (2-tailed)

Daripada Jadual 4.16 didapati bahawa kesemua faktor menunjukkan perkaitan yang signifikan dengan sikap responden. Kelima-lima faktor faktor tersebut menunjukkan satu perkaitan positif. Jadual 4.17, pula menunjukkan senarai perkaitan yang signifikan di antara sikap responden terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya adalah berdasarkan Indeks Davis (1971).

Untuk memudahkan tafsiran data yang diperolehi, Jadual 4.17 diwujudkan dan kesemua faktor yang menunjukkan perkaitan yang signifikan disenaraikan mengikut kekuatan perkaitannya dengan sikap responden terhadap PJK.

Jadual 4.17 : Senarai Perkaitan Signifikan Antara Sikap Responden Terhadap PJK Dengan Faktor-faktor Yang Mempengaruhinya.

Senarai Perkaitan	Nilai Pekali 'r'	Kekuatan Perkaitan	Jenis Perkaitan
Sikap dengan guru	.429**	Sederhana Kuat	Positif
Sikap dengan kurikulum	.699**	Kuat	Positif
Sikap dengan objektif	.649**	Kuat	Positif
Sikap dengan masa pengajaran	.495**	Sederhana kuat	Positif
Sikap dengan kemudahan dan peralatan	.364**	Sederhana kuat	Positif

Sumber : Data Kajian

Petunjuk : signifikan pada aras < 0.01 (2-tailed)

Semua perkaitan yang wujud di antara sikap responden dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya adalah perkaitan yang positif dan signifikan pada aras 0.025. Di antara faktor tersebut, faktor kurikulum dan objektif menunjukkan perkaitan positif yang kuat dengan sikap responden terhadap PJK ($r=.699$ dan $r=.649$). Faktor-faktor lain menunjukkan perkaitan positif yang sederhana kuat iaitu faktor guru ($r=.429$), faktor masa pengajaran ($r=.495$) dan faktor kemudahan dan

peralatan ($r=.364$). Perkaitan positif yang didapati pada faktor-faktor ini bermaksud sekiranya pengaruh faktor-faktor tersebut dipertingkatkan maka peningkatan dalam sikap responden dapat diperhatikan dan sebaliknya. Perkaitan jenis ini juga boleh dianggap sebagai perkaitan yang berkadar terus di antara faktor berkenaan dengan sikap responden.

4.7.1 Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Guru.

HO : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor guru.

Korelasi di antara sikap responden dengan guru menunjukkan satu perkaitan positif sederhana kuat ($r=0.429$). Perkaitan ini signifikan pada aras $p=0.000$ iaitu <0.025 . Walaupun perkaitan ini sederhana kuat, pengaruhnya tetap dirasai. Oleh kerana guru-guru merupakan orang penting dalam menyampaikan pendidikan kepada para pelajar, umumnya guru-guru dijadikan model contoh bagi sikap positif terhadap pendidikan ini. Masyarakat umum menumpukan perhatian kepada sikap guru terhadap mata pelajaran ini. Kebimbangan ini adalah kerana kesan pengaruh terhadap sikap pelajar-pelajar.

Walaupun tiada kajian yang khusus mengenai pengaruh guru ke atas sikap pelajar terhadap PJK, kebimbangan yang wujud di peringkat Kementerian

Pendidikan, di kalangan umum dan di kalangan para pelajar cukup untuk menunjukkan pengaruh guru ke atas sikap pelajar terhadap PJK ini. Ini menunjukkan bahawa peranan dan penglibatan guru dalam pelaksanaan PJK adalah penting sebagaimana kata Ross et al., (1987) bahawa guru merupakan penghubung yang dapat memahami budaya pelajar. Singer (1976) menyifatkan guru sebagai penerang yang menjana dan menggerakkan kepada perkembangan mental pelajar. Oleh itu, untuk meningkatkan tahap pelaksanaan PJK di sekolah-sekolah terutamanya di sekolah menengah Zon Bangsar, Kuala Lumpur semua aspek berkaitan dengan peranan dan penglibatan guru, perlu diberi penekanan dan perhatian yang utama.

Dengan itu hipotesis nol kelima yang menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap pelajar dengan pengaruh guru ditolak.

4.7.2 Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Kurikulum.

HO: Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pemebelajaran PJK di sekolah dengan faktor kandungan kurikulum PJK.

Perkaitan yang terdapat di antara sikap responden dengan faktor kurikulum adalah satu perkaitan yang kuat ($r=0.699$, $p=0.000$ iaitu <0.025). Perkaitan ini adalah signifikan dan positif. Ini bermakna

keputusan berdasarkan kepada dapatan kajian berkaitan dengan kesesuaian atau kerelevanan isi pelajaran sebagai sumber rujukan pengajaran menepati kehendak serta keperluan pelajar. Keputusan ini menunjukkan bahawa aspek berkaitan dengan kurikulum dan kandungan mempunyai hubungan yang agak kuat. Ini bermakna bahawa aspek ini masih boleh diperbaiki terutama dari segi kerelevanan dan pemilihan isi pelajaran. Selain itu, penekanan juga haruslah diberikan kepada rancangan pelajaran, bahan dan kandungan agar selaras dengan keperluan pelajar.

Bucher (1979) dan Weston (1979), menekankan bahawa kurikulum haruslah bersifat terancang dan dapat memenuhi kehendak dan keperluan pelajar. Bagi Barrow dan McGee (1979), kurikulum haruslah lebih bebas dan berupaya untuk berubah mengikut keperluan dan persekitaran semasa. Aspek ini menggambarkan bahawa masih wujud keadaan di mana berlakunya ketidakseimbangan antara kurikulum, kandungan dan isi pelajaran terutama dari segi penyampaian dalam pengajaran.

Dengan ini hipotesis nol keenam yang menyatakan tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara persepsi dan sikap pelajar dengan kurikulum, ditolak.

4.7.3 Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Objektif PJK.

HO : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor objektif mata pelajaran PJK.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan satu perkaitan positif yang kuat antara persepsi dan sikap pelajar dengan objektif pengajaran dan pembelajaran PJK . Pekali korelasi 'r' bagi perkaitan ini ialah 0.649 dengan aras signifikan $p=0.000$ iaitu <0.025 . Perkaitan ini menunjukkan peningkatan dan penambahbaikan objektif pengajaran memungkinkan peningkatan dalam sikap pelajar terhadap PJK. Aspek ini haruslah diutamakan kerana ia merupakan hasil sesuatu pembelajaran. Ini bermakna objektif dan falsafah merupakan panduan yang menjana proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, Buck, Harrison, Fronske dan Bayles (1990) mengatakan bahawa sesuatu objektif hendaklah menekankan ,kepada kefahaman tentang konsep “bagaimana” dan “mengapa” dalam pembelajaran.

Dengan ini hipotesis nol ketujuh yang menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara persepsi dan sikap pelajar dengan objektif pengajaran dan pembelajaran PJK, ditolak.

4.7.4 Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Masa Pengajaran.

HO : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor masa pengajaran.

Dari segi penggunaan masa pengajaran PJK, aspek yang ditekankan ialah sejauhmanakah masa itu digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran PJK. Penggunaan masa ini dilihat dari aspek peruntukan dan penjadualan pengajaran dengan menekankan kepada masa pengajaran PJK semata-mata. Peruntukan masa ini meliputi masa yang digunakan untuk latihan, demonstrasi, pembetulan, peneguhan dan penyampaian isi pelajaran yang dianggap sebagai masa pengajaran sebenar. Penggunaan masa dilihat dari aspek pembahagian dan penjadualan pengajaran mengikut susunan dan urutan perancangan sesuatu pengajaran guru dengan berlandaskan kepada peruntukan masa dan rancangan pelajaran.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa satu perkaitan di antara persepsi dan sikap responden dengan faktor masa pengajaran menjelaskan satu perkaitan positif yang sederhana kuat ($r=0.495$) dan signifikan pada aras $p=0.000$ iaitu < 0.025 . Berdasarkan keputusan ini, maka didapati penggunaan masa harus diberi perhatian oleh guru. Ini penting supaya pengajaran dan pembelajaran PJK tidak menjadi amalan turutan yang menjadi tradisi kebanyakan guru. Amalan sebegini mengikut Singer

(1976), akan mengurangkan jumlah masa untuk aktiviti pembelajaran. Sebaliknya masa banyak dihabiskan untuk aktiviti-aktiviti lain selain dari pengajaran dan pembelajaran PJK. Terdapat juga masa PJK disalahgunakan terutama semasa kesibukan sekolah untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik.

Dengan itu hipotesis nol kelapan yang menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara persepsi dan sikap responden dengan masa pengajaran, di tolak.

4.7.5 Perkaitan Di antara Persepsi dan Sikap Responden Dengan Faktor Kemudahan dan Peralatan.

HO : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor kemudahan dan peralatan.

Kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar terhadap PJK di sekolah. Hasil korelasi item sikap dengan item faktor kemudahan dan kelengkapan menunjukkan satu perkaitan yang sederhana kuat ($r=0.364$) dan signifikan pada aras $p=0.000$ iaitu < 0.025 . Perkaitan ini nampaknya lebih lemah daripada perkaitan sikap responden dengan pengaruh atau faktor-faktor lain dalam kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan min bagi pernyataan 'peralatan PJK yang ada di sekolah saya adalah cukup' ialah

3.14 dengan sisihan piawai 1.237. Begitu juga bagi pernyataan 'saya berpeluang menggunakan peralatan yang disediakan', min adalah 3.10 dengan sisihan piawai 1.276. Kemudahan dan peralatan yang cukup boleh membantu pembentukan sikap positif terhadap PJK.

Seterusnya hipotesis nol kesembilan yang menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara persepsi dan sikap pelajar dengan item kemudahan dan peralatan, ditolak.

BAB 5

RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan dapatan yang diperolehi mengikut faktor-faktor yang berkaitan. Di samping itu pengkaji juga mengemukakan beberapa cadangan yang boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu dan berwajib.

5.2 Ringkasan

Mata pelajaran PJK telah mengalami perubahan sama ada dari segi konsep mahu pun perkembangan isi kandungannya. Walau bagaimanapun, penerimaan serta pengiktirafan terhadap mata pelajaran ini masih belum memuaskan. Bahkan ia masih lagi dianggap sebagai satu mata pelajaran yang tidak penting kerana mata pelajaran ini bukan satu mata pelajaran peperiksaan. Kebanyakan ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah lebih mementingkan pencapaian akademik. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah tidak memberi penekanan dan perhatian yang serius dalam melaksanakan program dan aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini. Situasi ini telah menggalakkan berlakunya ketidakseimbangan dalam pelaksanaan program pendidikan, terutama bagi mata

pelajaran PJK berbanding dengan mata pelajaran lain yang diajar di sekolah. Secara tidak langsung ianya bertentangan dengan Falsafah Pendidikan Negara yang inginkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Hasrat dan cita-cita ini adalah ke arah pembentukan masyarakat yang cemerlang yang berperibadi seimbang dan harmonis (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1985).

5.2.1 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap persepsi dan sikap pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur, terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah.

5.2.2 Objektif Kajian

Objektif-objektif khusus kajian ini ialah untuk menentukan :

- a. tahap persepsi dan sikap pelajar secara keseluruhan terhadap PJK di sekolah;
- b. sama ada terdapat perbezaan persepsi dan sikap di kalangan pelajar terhadap PJK berdasarkan ciri-ciri demografi pelajar yang terpilih;
- c. sama ada terdapat perkaitan di antara persepsi dan sikap pelajar terhadap PJK dengan pengaruh faktor-faktor guru, kurikulum, objektif, masa pengajaran dan kemudahan dan peralatan.

5.2.3 Hipotesis Nol Kajian Ini

Berikut adalah hipotesis-hipotesis untuk kajian ini :

- a. Pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur tidak mempunyai persepsi dan sikap yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah.
- b. Tidak terdapat perbezaan sikap yang signifikan di kalangan pelajar terhadap PJK berdasarkan ciri-ciri demografi yang terpilih.
- c. Tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara sikap pelajar dengan pengaruh faktor-faktor guru, kurikulum, objektif, masa pengajaran dan kemudahan dan peralatan.

5.2.4 Kaedah Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian 'survey'. Populasi kajian ini terdiri daripada 625 orang pelajar tingkatan empat dari tiga buah sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Memandangkan saiz populasi agak besar hanya 64 peratus daripada populasi iaitu 400 orang pelajar dipilih untuk kajian ini. Kaedah persampelan strata dan rawak telah digunakan dalam pemilihan sampel. Kajian ke atas sampel ini telah dijalankan pada bulan Mei, 2002. Daripada 400 set borang soal selidik

yang dikirimkan hanya 375 set sahaja diterima dan ini merupakan 93.75 peratus daripada responden yang terlibat.

Data untuk kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan satu set soal selidik yang berstruktur. Instrumen kajian ini telah direka sendiri oleh penyelidik dan disemak oleh penyelia kajian ini. Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan di dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bandaraya dan Sekolah Menengah La Salle Brickfields, Kuala Lumpur. Tujuan kajian tersebut ialah untuk menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen tersebut. Instrumen kajian ini terdiri dari tiga bahagian. Bahagian A terdiri dari 6 item mengenai maklumat diri dan demografi responden. Bahagian B terdiri daripada 12 item pengukuran sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah, manakala Bahagian C terdiri dari 5 set pernyataan yang berkaitan dengan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap PJK. Setiap set terdiri daripada beberapa item pengukuran persepsi dan sikap.

Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah persepsi dan sikap para pelajar terhadap PJK, manakala ciri-ciri demografi pelajar seperti jantina, kumpulan etnik dan aliran persekolahan adalah merupakan pembolehubah bebas. Faktor-faktor terpilih yang dianggap boleh mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar juga menjadi pembolehubah bebas dalam kajian ini. Faktor-faktor tersebut ialah guru, kurikulum, objektif, masa pengajaran dan kemudahan dan peralatan.

Kedua-dua statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan dalam kajian ini. Analisis data dibuat untuk mendapatkan butir-butir peribadi dan demografi responden. Kemudian diikuti dengan analisis data persepsi dan sikap responden terhadap PJK. Analisis peratusan, min, mod dan kekerapan telah digunakan. Ujian-t dan Analisis Varian Sehal telah digunakan untuk melihat perbezaan sikap yang nyata di kalangan pelajar berdasarkan ciri-ciri demografi. Analisis Korelasi Pearson 'r' telah digunakan untuk melihat perkaitan di antara persepsi dan sikap pelajar terhadap PJK dengan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi sikap mereka.

5.3 Keputusan Kajian

Bahagian ini akan membentangkan keputusan-keputusan kajian yang telah diperolehi dan penganalisan data. Ini termasuklah dapatan kajian mengenai ciri-ciri demografi, persepsi dan sikap responden secara keseluruhan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK. Pembentangan seterusnya adalah mengenai perbezaan sikap di kalangan pelajar terhadap PJK berdasarkan ciri-ciri demografi. Ini akan diikuti dengan perkaitan persepsi dan sikap responden dengan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi dan sikap responden terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK.

5.3.1 Ciri-ciri Demografi Responden

Kajian ini dijalankan ke atas 375 orang pelajar tingkatan empat sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Bilangan responden lelaki adalah lebih sedikit berbanding dengan responden perempuan. Walau bagaimanapun peratusan responden lelaki (57.9 peratus) dan perempuan (42.1 peratus) adalah hampir sama iaitu dengan nisbah 1 : 1.37 antara responden perempuan dengan lelaki. Di sini terdapat penimbangan yang hampir sekata dari segi bilangan di antara responden lelaki dan perempuan dalam kajian ini. Perangkaan ini juga hampir menyerupai bilangan pelajar lelaki dan perempuan dalam populasi yang diselidiki.

Dari segi kumpulan etnik, responden berbangsa Melayu merupakan jumlah yang terbesar (63.5 peratus) berbanding dengan lain-lain bangsa responden dalam kajian ini. Ini adalah kerana sebahagian besar pelajar di sekolah-sekolah seperti SMK. Bangsar dan SMK. Bukit Bandaraya adalah terdiri daripada pelajar-pelajar berbangsa Melayu. Pelajar-pelajar India merupakan 23.5 peratus daripada jumlah responden dalam kajian ini. Ini diikuti oleh pelajar-pelajar Cina sebanyak 12.3 peratus, manakala yang selebihnya iaitu 0.8 peratus terdiri dari responden lain-lain bangsa.

Dari segi aliran persekolahan, pelajar-pelajar aliran bukan sains merupakan 64.8 peratus daripada jumlah responden dalam kajian ini. Hanya 35.2 peratus sahaja responden terdiri daripada pelajar aliran sains. Nisbah di antara pelajar-pelajar aliran sains dengan pelajar-pelajar bukan

sains dalam kajian ini lebih kurang 1 : 2. Ini adalah kerana kebanyakan sekolah menengah di Zon Bangsar mempunyai hanya satu atau dua buah kelas sains bagi keseluruhan tingkatan empat di sekolah masing-masing. Dengan itu lebih separuh daripada responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar aliran bukan sains.

5.3.2 Persepsi dan Sikap Responden Secara Keseluruhan Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran PJK

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa persepsi dan sikap responden terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK adalah positif. Daripada 375 orang responden, 68 peratus iaitu seramai 255 orang menunjukkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berbanding hanya 32 peratus iaitu 120 orang menunjukkan sikap negatif.

5.3.3 Perbandingan Persepsi dan Sikap Di Kalangan Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran PJK Berdasarkan Ciri-ciri Demografi

Analisis Ujian-t dan Analisis Varian Sehal digunakan untuk membuat perbandingan atau melihat perbezaan sikap di kalangan responden terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan ciri-ciri demografi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan pelajar lelaki dan

perempuan responden terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK. Begitu juga secara perbandingan terdapat perbezaan persepsi dan sikap yang signifikan di kalangan responden berdasarkan aliran persekolahan. Walau bagaimanapun hasil kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah mengikut kumpulan etnik. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan sikap yang signifikan di antara responden lelaki dan perempuan di mana pelajar lelaki menunjukkan lebih bersikap positif berbanding perempuan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan persepsi dan sikap yang signifikan di antara responden aliran sains dengan aliran bukan sains. Responden dari aliran sains menunjukkan lebih bersikap positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berbanding dengan responden dari aliran bukan sains.

5.3.4 Perkaitan Di Antara Persepsi dan Sikap Responden Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran PJK Dengan Faktor-faktor Yang Boleh Mempengaruhinya

Lima faktor yang didapati boleh mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar ialah guru, kurikulum, objektif, masa pengajaran dan kemudahan dan peralatan. Hasil korelasi di antara faktor-faktor tersebut dengan persepsi dan sikap responden menunjukkan bahawa terdapat satu perkaitan positif yang kuat di antara sikap responden dengan kurikulum ($r=.699$, $p<0.025$). Perkaitan positif yang kuat juga terdapat di antara sikap responden dengan

objektif pengajaran PJK ($r=.649$, $p<0.025$). Perkaitan positif yang sederhana kuat terdapat di antara sikap responden dengan faktor guru ($r=.429$, $p<0.025$), faktor masa pengajaran ($r=.495$, $p<0.025$) serta faktor kemudahan dan peralatan ($r=.364$, $p<0.025$).

5.4 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap persepsi dan sikap pelajar-pelajar tingkatan empat sekolah-sekolah menengah di Zon Bangsar, Kuala Lumpur terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah. Di samping itu kajian ini juga ingin melihat perbezaan persepsi dan sikap di kalangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan ciri-ciri demografi. Selain daripada itu, kajian ini juga ingin melihat perkaitan persepsi dan sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK dengan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi persepsi dan sikap pelajar.

Kesimpulan-kesimpulan berikut adalah berdasarkan objektif dan hipotesis nol kajian ini.

- a. Persepsi dan sikap pelajar-pelajar tingkatan empat adalah positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah.
- b. Tidak terdapat perbezaan persepsi dan sikap di kalangan pelajar berdasarkan kumpulan etnik.
- c. Perbezaan persepsi dan sikap terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK jelas kelihatan di antara pelajar-pelajar lelaki dan

perempuan. Pelajar lelaki menunjukkan sikap yang lebih positif berbanding perempuan.

- d. Wujud perbezaan persepsi dan sikap terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berdasarkan aliran persekolahan. Pelajar-pelajar dari aliran sains menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK berbanding dengan pelajar-pelajar dari aliran bukan sains.
- e. Didapati terdapat perkaitan persepsi dan sikap pelajar-pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK di sekolah dengan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi persepsi dan sikap. Didapati faktor kurikulum dan objektif mempunyai perkaitan yang kuat.
- f. Perkaitan yang sederhana kuat terdapat di antara persepsi dan sikap pelajar dengan faktor guru, masa pengajaran dan kemudahan dan peralatan.

5.5 Cadangan Hasil Kajian

Penyelidik berhasrat untuk memberi beberapa cadangan khusus kepada semua sekolah yang terlibat dalam kajian ini dan amnya kepada mana-mana pihak yang berminat dengan kajian ini. Bahagian ini khusus bagi cadangan bagaimana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK ini berjalan dengan lancar di sekolah-sekolah di samping berusaha membantu membentuk sikap yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran terhadap PJK di kalangan para pelajar. Persepsi dan sikap positif di kalangan para pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK adalah merupakan satu indikator

yang baik ke arah keberkesanan matlamat pengajaran PJK. Kecenderungan sikap pelajar bergerak ke arah negatif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK ini perlu dikesan lebih awal dan diperbetulkan sebelum ia menjadi satu persepsi dan sikap yang kekal. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut :

- a. Amalan pengajaran PJK secara tradisional perlu diubah dan semua guru yang mengajar PJK hendaklah terdiri dari mereka yang berkelayakan. Dengan kata lain kaedah-kaedah pengajaran sebenarnya perlu diamalkan dan guru-guru yang mengajar PJK perlulah mereka yang mengkhusus dalam bidang berkenaan atau mereka yang mendapat pendedahan yang secukupnya mengenai mata pelajaran tersebut.
- b. Pengajaran PJK hendaklah menekankan kepada aspek dan prinsip sains dan bukan kepada pengajaran kemahiran secara latih tubi. Ini bermakna dalam pengajaran PJK, harus juga ditekankan dari segi teori dan faedah dari pembelajaran tersebut di samping penguasaan kemahiran.
- c. Memastikan semua guru mendapat pendedahan dalam teknik pengajaran PJK. Ini membolehkan pemilihan dan pengagihan guru dilakukan bagi menepati keperluan dan kehendak mata pelajaran PJK. Keadaan ini boleh dilakukan melalui kursus-kursus dalaman dan kursus tambahan kepada guru PJK yang sedia ada.
- d. Sekolah sepatutnya diberi kebebasan untuk memilih isi kandungan dan bahan pengajaran berasaskan kesesuaian, keperluan sekolah, pelajar dan kebolehan guru. Ini bermakna guru tidak hanya terikat dengan sukatan yang ada tetapi dibenarkan mengubahsuai mengikut keadaan semasa di sekolah.

- e. Masa pengajaran PJK seharusnya ditambah bagi membolehkan masa pengajaran sebenar dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Masa tambahan boleh diperuntukkan sepuluh minit sebelum dan selepas sesuatu kelas pengajaran.
- f. Peralatan dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran PJK yang ada di sekolah perlu disemak dan ditambah dari masa ke semasa supaya sesuai dan mencukupi untuk keperluan pelajar. Peralatan yang usang dan tidak sesuai perlu digantikan, manakala peralatan yang kurang perlu ditambah mengikut kesesuaian dengan bilangan pelajar dalam sesuatu kelas.
- g. Pihak pentadbir dan semua warga sekolah perlu menunjukkan penglibatan ke arah pembentukan persepsi dan sikap yang positif terhadap mata pelajaran ini di kalangan pelajar. Keadaan ini boleh ditunjukkan melalui pengucapan, amalan dan sikap ambil berat terhadap mata pelajaran ini. Pandangan dan sikap bahawa PJK bukan mata pelajaran peperiksaan dengan itu perhatian serius tidak perlu diberikan kepada mata pelajaran ini, perlu dikikis sama sekali.
- h. Guru bimbingan dan kaunseling perlu memainkan peranan dalam menerapkan sikap positif terhadap PJK di kalangan pelajar. Ini boleh dilakukan melalui anjuran ceramah kesihatan dan kecergasan, pameran, kuiz dan sebagainya.
- i. Pihak sekolah juga boleh menganjurkan perjumpaan dengan ibu bapa melalui hari terbuka atau mesyuarat PIBG bagi menjelaskan kepada mereka kepentingan PJK supaya peranan pengajaran dan amalan PJK bukan menjadi tanggungjawab sekolah sahaja.

5.6 Cadangan Kajian Seterusnya

Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada kajian-kajian lain yang lebih luas skopnya dan bukan sahaja terbatas kepada sekolah-sekolah tertentu sahaja, sebaliknya lebih menyeluruh meliputi lokasi dan gred sekolah. Berikut adalah beberapa cadangan yang difikirkan penting untuk dijalankan bagi kajian selanjutnya. Cadangan ini khusus kepada Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak pentadbir pendidikan peringkat negeri atau daerah atau para penyelidik pendidikan.

Kajian seumpama ini perlu dijalankan di setiap daerah atau negeri untuk melihat sikap pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK ini. Dengan ini usaha untuk memperbaiki kaedah pengajaran atau sikap pelajar boleh dilakukan.

Kajian seumpama ini perlu dijalankan di kalangan guru-guru pelatih, di maktab-maktab perguruan atau pelajar-pelajar fakulti pendidikan, di universiti-universiti tempatan. Ini bertujuan untuk meninjau sikap bakal-bakal guru terhadap PJK, khususnya di kalangan bakal-bakal guru yang akan mengajar mata pelajaran Sains dan PJK.

Juga difikirkan perlu bagi menjalankan kajian mengenai sikap guru, ibu bapa dan pentadbir sekolah terhadap PJK.

Kajian lanjutan juga perlu dijalankan untuk melihat tahap pengaruh guru dan ibu bapa dalam pembentukan sikap pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran PJK ini.

Akhir sekali, adalah difikirkan perlu satu kajian perbandingan jangka panjang dijalankan untuk melihat perubahan persepsi dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran ini sepanjang enam tahun mereka didedahkan di peringkat sekolah rendah kepada pendidikan ini dan sikap mereka selepas memasuki sekolah menengah.

Semoga saranan dan cadangan ini dapat memperbaiki tahap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK dan seterusnya dapat membentuk sikap pelajar yang positif terhadap mata pelajaran ini.

BIBLIOGRAFI

- Ab Rahman Yusoff (1997), *Pelaksanaan pendidikan jasmani dan kesihatan di sekolah-sekolah menengah Daerah Tanah Merah Kelantan*. Tesis Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia, UNIMAS, Sarawak.
- Ahmad Atory Hussain, (1986), *Tingkah laku organisasi dalam pentadbiran moden*. K.L. DBP.
- Aiken, L. R. (1980). Attitude measurement and research, New direction for testing and measurement: *Recent development in effective measurement*, 7 : 1-21.
- Alias Baba. (1992). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Allport, G.M. (1967). *Attitude in attitude theory and measurement*. Edited by Fishbein, M., N.Y : John Wiley and Sons Inc.
- Almond, L. (1989). *The Place of physical education in schools*: Kogan Page Ltd.
- Arshad Ahad.(1982), *Toward effective teaching in physical education in secondary schools*. (tidak diterbitkan). Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- Asmah Bt. Hj. Ahmad. (1990), *Pedagogi 1*,(cetakan kedua) Longman Malaysia Sdn. Bhd. Petaling Jaya.
- Beauchamp, L., P. W. Darst., & L. P. Thompson. (1990). Academic learning time as an indication of quality high school physical education. *Journal of physical education, recreation and dance*. 61 (1). P 92-95.
- Bucher, C. A. (1979). *Foundation of physical education (8th ed.)*. St. Louis. The C.V. Mosby Company.
- Bucher, C.A.(1979). *Administration of physical education and athletic programs*. Toronto. The C.V. Mosby Company.
- Chung, K.H. dan Megginson, L.C. (1981). *Organizational Behaviour Developing Managerial Skills*, N.Y., Harper and Row.
- Devito J. (1978), *Communicology: An introduction to the study of communication*. N. York, Harper and Row Publication.
- Fazio, R.H., Zanna, M.P. & Cooper, J. (1977). Dissonance and self-perception : Anintegrative view of each theory's proper domain of application . *Journal of Experimental Social Psychology*, 13,: 64-476.
- Fishbein, M. & Ajzen, I. (1975). *Belief attitude intention and behaviour : An introduction to theory and research*. Reading. MA : Addison-Wesley.

- Gagne, P. (1977). *The conditions of learning*. New York. Holt, Rinehart and Winston.
- Gay, L.R. (1987). *Educational Research : Competencies for analysis (3th ed.)*. London : Merrill Publishing Company.
- Grimm, J. W & Wozniak, P.R.(1990). *Basic social statistics and qualitative research methods : A computer-assisted introduction*. California : Wadsworth.
- Hall, C.S & Lindzey, G. (1978). *Theories of personality*, N. York, John Willey and Son.
- Harrison, J.M. (1983). *Instructional strategies for physical education*. Dubuque. Iowa. Wm. C. Brown Publishers.
- Heider, F.(1958), *The psychology of interpersonal relations*, N. York, Wiley and Son.
- Henerson, M.E., Moris, L., Gibbon, F & Taylor, C. (1987). *How to measure attitude*. California: Sage Publication, Inc.
- Hochberg, E.J. (1978). *Perception*. New Jersey, Prentice Hall.
- Hoffman, S. (1971). *Tradition methodology : Prospect for change*. Quest, XV.
- Hussain A.A.(1986). *Tingkailaku organisasi dalam pengurusan moden*. K.L., DBP, KPM.
- Jaafar Muhammad (1997), *Kelakuan organisasi*, Edisi 2, K.L. Leeds Publications.
- Khoo Kay Kim. (1995). *Kurang guru punca abai pendidikan jasmani*. Utusan Malaysia, 29 Julai 1995. Ms 21.
- Kretch, D. And Crutfields: R.S. (1969). *Elements of psychology*. N.Y. Kropt.
- Mahmood Nazaar Mohamed (1990), *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkailaku manusia*, K.L. DBP.
- Mc. Burney, D. (1977). *Introduction to sensation/perseption*. New Jersey, Prentice Hall.
- McKenzie, T.L., Alcaraz, J., & Sallis, J.F. (1994) *Assessing children's liking for activity units in an elementary school physical education curriculum*. Journal of Teaching in Physical Education, 13, 206-215.
- McKenzie, T.L., Alcaraz, J.E., Sallis, J.F., Faucette, F.N. (1998). *Effects of a physical education program on children's manipulative skills*. Journal of Teaching in Physical Education, 17, 327-341).

- Mehander Singh. (1995). *A study to describe the extent to which the subject of physical education and health is implemented in secondary schools in Kuala Lumpur*. (tidak diterbitkan). I.A.B dan Universiti of Houston.
- Mohamad Obey (1998). *Persepsi pentadbir sekolah dan guru-guru terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah di bahagian Kuching dan Samarahan*. Tesis Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia.UNIMAS , Sarawak.
- Mosston, M. (1965). *Teaching physical education (2nd ed.)* Toronto. Charles E. Merrill Publisher Company.
- Mosston, M. (1981). *Teaching physical education from command to discovery*. New Jersey. Charles E. Merrill.
- Murukesu M. Margapandu (1997). *Sikap pelajar-pelajar terhadap pendidikan AIDS di sekolah*. Tesis Sarjana Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS, Sarawak.
- Nayawai. J. (1995). *Perbandingan sikap pelajar sekolah menengah berasrama penuh dan sekolah menengah biasa di sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur terhadap Pendidikan Jasmani*. Tesis Bac. Pend. Universiti Pertanian Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah. Huraian sukatan pelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan- Tingkatan IV dan V*. Kuala Lumpur. Percetakan DBP.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia. (1985) *Rancangan kurikulum baru sekolah menengah*. Kuala Lumpur.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Huraian sukatan pelajaran tingkatan I, II dan III – pendidikan jasmani dan kesihatan (Bahagian Jasmani)*. Kuala Lumpur.
- Rahman Shaari. *Kurang kreativiti punca pengajaran lemah*. Berita Harian, 2 November, 1996.
- Sallis, J. F., McKenzie, T.L., Kolody, B., Lewis, M., Marshall, S., & Rosengadr, P. (1999). *Effect of health-related physical education on academic achievement: Project SPARK*. Research Quarterly for Exercise and Sport, 70, 127-134.
- Sapian Ismail. (1997). *Sikap guru-guru sekolah rendah terhadap pusat kegiatan guru*. Tesis Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia, UNIMAS, Sarawak.

- Schwager, S. & C. Labate. (1993). Teaching for critical thinking in physical education. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*. 64 (5), p24-26.
- Siedentop, D., M. Tousignaut., & M. Parker. (1982). *Academic learning time-physical education. Coding manual. School of health, physical education and recreation*. Ohio State University.
- Singer, R.N. (1976). *Physical education foundation*. New York. Holt, Rinehart and Winston. Zeigler, E.F.(1962). A consistent philosophy is the sin of true professional. *Physical Educator*. 19(1), 17-18.
- Trenholm, S (1986). *Human communication theory*, New Jersey, Prentice Hall.

LAMPIRAN A

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Sarjana Sains Pengurusan

Sesi 2001/02

BORANG SOAL SELIDIK


TAJUK:

**Persepsi dan Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan
Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
(PJK) di Sekolah-sekolah Menengah Zon Bangsar, Kuala Lumpur**

Pelajar-pelajar yang dihormati,

Terima kasih kerana menyertai penyelidikan ini. Tujuan borang soal selidik ini adalah untuk mendapatkan tanggapan umum terhadap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJK. Pelajar diminta memberikan jawapan secara ikhlas, jujur dan tepat. Segala maklumat yang diberi adalah sulit dan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kerjasama para pelajar amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Penyelidik,



Zulkiflee Bin Othman
No. Matrik : 83503
Program Sarjana Sains Pengurusan
INTAN/UUM.
Sesi 2001/02.

BORANG SOAL SELIDIK

BAHAGIAN A : CIRI-CIRI DEMOGRAFI

Berikut adalah beberapa soalan mengenai butir-butir diri anda. Sila tandakan (/) di ruang yang disediakan. Anda tidak perlu menulis nama anda.

1. Sekolah :

.....

2. Tingkatan :

3. Jantina : () Lelaki () Perempuan

4. Bangsa/Keturunan : () Melayu () Cina () India

Lain-lain (Sila nyatakan) :

.....

5. Aliran Persekolahan : () Sains () Bukan Sains

6. Guru PJK saya adalah : () Lelaki Perempuan ()

BAHAGIAN B : ITEM PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR TERHADAP PJK

ARAHAN : Baca tiap-tiap pernyataan berikut dengan teliti. Nyatakan pendapat anda tentang item tersebut dengan membulatkan pada pilihan jawapan yang tepat berdasarkan skala jawapan seperti berikut:

Sangat Setuju	Setuju	Sederhana Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
5	4	3	2	1

1.	Saya berasa gembira semasa mengikuti kelas PJK	5	4	3	2	1
2.	Pada saya kelas PJK amat menarik dan saya berminat mengikutinya	5	4	3	2	1
3.	Pada pendapat saya, PJK adalah sebagai satu mata pelajaran yang tidak membosankan.	5	4	3	2	1
4.	Penyertaan saya dalam aktiviti kelas PJK memberi keseronokan dan kepuasan kepada saya.	5	4	3	2	1
5.	Saya sentiasa menasihati rakan-rakan saya supaya menumpukan perhatian yang penuh semasa kelas PJK	5	4	3	2	1
6.	Saya akan berasa kesal, jika saya tidak menghadiri kelas PJK	5	4	3	2	1
7.	Saya mengambil berat terhadap PJK yang diajar di sekolah	5	4	3	2	1
8.	Kalau saya diberi peluang untuk memilih mata pelajaran yang saya ingin ikuti di sekolah, PJK adalah mata pelajaran pilihan saya yang pertama.	5	4	3	2	1
9.	Saya sentiasa mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti kelas PJK	5	4	3	2	1
10.	PJK adalah sama penting dengan mata pelajaran lain	5	4	3	2	1
11.	Jumlah waktu pengajaran PJK perlu ditambah lagi	5	4	3	2	1
12.	PJK harus dijadikan sebagai satu mata pelajaran peperiksaan	5	4	3	2	1

BAHAGIAN C : ITEM FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI

PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR TERHADAP PJK

ARAHAN : Baca tiap-tiap pernyataan berikut dengan teliti. Nyatakan pendapat anda tentang item tersebut dengan membulatkan pada pilihan jawapan yang tepat berdasarkan skala jawapan seperti berikut :

Sangat Setuju	Setuju	Sederhana Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
5	4	3	2	1

Seksyen I : Item Guru

1.	Guru PJK saya dalam keadaan bersedia ketika memulakan pengajaran	5	4	3	2	1
2.	Guru PJK saya sentiasa menunjukkan minat dan kesungguhan ketika mengajar	5	4	3	2	1
3.	Guru PJK saya sentiasa berada di padang atau gelanggang ketika mengajar	5	4	3	2	1
4.	Kami sentiasa dikawal oleh guru ketika waktu pelajaran PJK	5	4	3	2	1
5.	Guru saya mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani berselang minggu dengan Pendidikan Kesihatan	5	4	3	2	1
6.	Guru PJK saya menggunakan berbagai kaedah seperti perbincangan, tunjuk ajar, kumpulan dan permainan ketika mengajar	5	4	3	2	1
7.	Kaedah pengajaran guru PJK saya mudah difahami dan diikuti	5	4	3	2	1
8.	Guru PJK saya mengajar berbagai jenis kemahiran dan permainan	5	4	3	2	1
9.	Guru PJK saya menggunakan berbagai jenis alatan ketika mengajar	5	4	3	2	1
10	Guru PJK saya tidak menggunakan masa mengajar PJK untuk mengajar mata pelajaran lain	5	4	3	2	1
11	Pada pandangan saya, guru PJK saya adalah seorang yang mahir dan berpengalaman dalam pengajaran PJK.	5	4	3	2	1

12. Saya suka jika guru PJK saya seorang : **Lelaki /Perempuan**

Arahan : Bulatkan jawapan yang tepat mengikut pilihan anda.

Sangat Setuju	Setuju	Sederhana Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
5	4	3	2	1

Seksyen II : Item Kurikulum

1.	Saya berasa gembira semasa mengikuti kelas PJK	5	4	3	2	1
2.	Pada saya isi kandungan mata pelajaran PJK amat menarik dan saya berminat untuk mengikutinya.	5	4	3	2	1
3.	Kaedah yang digunakan dalam pengajaran PJK memberi keseronokan dan kepuasan kepada saya.	5	4	3	2	1
4.	Bahan dan alatan yang digunakan dalam pengajaran PJK menarik minat saya terhadap mata pelajaran PJK	5	4	3	2	1
5.	Pada saya mata pelajaran PJK sama penting dengan mata pelajaran lain	5	4	3	2	1

Seksyen III : Item Objektif

1.	Dengan mengikuti kelas PJK, saya rasa lebih cergas dan sihat	5	4	3	2	1
2.	Kelas PJK menambahkan semangat bekerjasama antara saya dan rakan-rakan	5	4	3	2	1
3.	Setelah mengikuti kelas PJK saya rasa bersemangat untuk mengikuti pelajaran-pelajaran lain di dalam kelas.	5	4	3	2	1
4.	Dengan mengikuti kelas PJK, saya mendapat banyak pengetahuan dan kemahiran tentang sukan dan cara hidup sihat	5	4	3	2	1
5.	Setelah mengikuti kelas PJK, saya faham bahawa amalan kesihatan dan kecergasan fizikal adalah penting untuk kehidupan seharian	5	4	3	2	1
6.	Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari mata pelajaran PJK akan saya amalkan dalam kehidupan harian saya.	5	4	3	2	1

Arahan : Bulatkan jawapan yang tepat mengikut pilihan anda.

Sangat Setuju	Setuju	Sederhana Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
5	4	3	2	1

Seksyen IV : Item Masa Pengajaran

1.	Masa mata pelajaran PJK dilaksanakan di kelas saya sangat sesuai	5	4	3	2	1
2.	Pada pendapat saya, tidak banyak masa terbuang untuk persediaan awal dan persediaan akhir semasa mengikuti kelas PJK	5	4	3	2	1
3.	Pada pendapat saya, masa sebenar yang diberi untuk menjalankan aktiviti pembelajaran PJK adalah cukup	5	4	3	2	1
4.	Saya dan rakan-rakan tidak menggunakan masa PJK untuk mempelajari mata pelajaran lain atau membuat kerja-kerja lain	5	4	3	2	1
5.	Masa untuk pembelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan diajar secara berselang-seli dan seimbang di sekolah saya.	5	4	3	2	1


Masa PJK bagi kelas saya ialah dari pukul.....hingga pukul
.....

Seksyen V: Item Kemudahan dan Peralatan

1.	Sekolah saya mempunyai kemudahan gelanggang dan padang permainan yang cukup untuk aktiviti PJK	5	4	3	2	1
2.	Pada pendapat saya, peralatan PJK yang ada di sekolah saya adalah cukup	5	4	3	2	1
3.	Pada pendapat saya, berbagai alatan yang digunakan dalam pelajaran PJK adalah sesuai dengan tajuk pelajaran	5	4	3	2	1
4.	Setiap kali pelajaran PJK saya berpeluang menggunakan peralatan yang disediakan.	5	4	3	2	1
5.	Pada pendapat saya, peralatan adalah penting ketika mengikuti kelas PJK	5	4	3	2	1

SILA PASTIKAN SEMUA SOALAN DIJAWAB

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

LAMPIRAN B

Telefon : 03-2586900
Faks : 03-2554960
Laman Web : <http://161.142.144.5>

Rujukan Kami : KP(BPPDP)603/5 Jld.VIII(68)

Tarikh : 16 Ogos 2002

Encik Zulkiflee bin Othman,
72, Persiaran Desa Ampang,
Taman Seri Ampang,
68000 Ampang,
SELANGOR.

Tuan,

Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian bertajuk:

"Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan (PJK) Di Sekolah-Sekolah Menengah Zon Bangsar, Kuala Lumpur"

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang tuan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri Yang Berkenaan.** Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian tuan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Dr. Mohd. Sahandri Gani bin Hj. Hamzah)

b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.



s.k.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.

Ooi Seong Kang,
Penyelaras Projek Kanan,
Unit Diploma Sains Pengurusan,
Institut Tadbiran Awam Negara,
Kuala Lumpur.



JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
BANGUNAN ANJUNG FELDA
JALAN MAKTAB OFF JALAN SEMARAK
50604 KUALA LUMPUR
Telefon: 03-26919044 / 03-26930777

Faksimili : 03-26930736 / 03-26924801



JPWP 12-21/Jld.7/(38)
20 Ogos 2002

Encik Zulkiflee bin Othman,
72, Persiaran Desa Ampang,
Taman Seri Ampang,
68000 Ampang,
Selangor.

Tuan,

KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH, MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN, JABATAN-JABATAN PENDIDIKAN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian bertajuk:-

" Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan (PJK) Di Sekolah-Sekolah Menengah Zon Bangsar, Kuala Lumpur "

adalah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam ' sample kajian ' yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan ini sahaja.
- Tuan dikehendaki mengemukakan senaskah ' sample kajian ' dan hasil kajian tuan ke Jabatan ini sebaik sahaja ianya selesai.
- Sila kemukakan surat kebenaran ini ketika berurusan dengan pengetua sekolah berkenaan.
- Kelulusan untuk ke sekolah-sekolah Menengah di Zon Bangsar sahaja.
- Kebenaran ini sah sehingga 31 Disember 2002 sahaja.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(CHE ANI BIN OMAR)
b.p. Pendaftar Sekolah dan Guru
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis – Faktor Guru

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 141.0

N of Items = 12

Alpha = .9123

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis – Faktor Kurikulum

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 141.0

N of Items = 4

Alpha = .8917

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis – Faktor Objektif

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 141.0

N of Items = 6

Alpha = .9428

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis – Faktor Masa Pengajaran

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 141.0

N of Items = 5

Alpha = .8807

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis – Faktor Kemudahan dan Peralatan

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 141.0

N of Items = 5

Alpha = .8371

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Sebenar – Faktor Guru

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 375.0

N of Items = 12

Alpha = .9057

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Sebenar – Faktor Kurikulum

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 375.0

N of Items = 4

Alpha = .8302

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Sebenar – Faktor Objektif

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 375.0

N of Items = 6

Alpha = .9048

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Sebenar – Faktor Masa Pengajaran

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 375.0

N of Items = 5

Alpha = .7936

Ujian Kebolehpercayaan Kajian Sebenar – Faktor Kemudahan dan Peralatan

Reliability

R E L I A B I L I T Y A N A L Y S I S - S C A L E (A L P H A)

Reliability Coefficients

N of Cases = 375.0

N of Items = 5

Alpha = .8010

ANALISA FAKTOR DEMOGRAFI**Frequencies****Statistics**

		JANTINA	ETNIK	ALIRAN
N	Valid	375	375	375
	Missing	0	0	0

Frequency Table**JANTINA**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1	217	57.9	57.9	57.9
	2	158	42.1	42.1	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

ETNIK

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1	238	63.5	63.5	63.5
	2	46	12.3	12.3	75.7
	3	88	23.5	23.5	99.2
	4	3	.8	.8	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

ALIRAN

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1	132	35.2	35.2	35.2
	2	243	64.8	64.8	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

LAMPIRAN F**ANALISIS DESKRIPTIF SKOR PENILAIAN SIKAP****JUMLAH SKOR SIKAP**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	12	3	.8	.8	.8
	15	1	.3	.3	1.1
	16	1	.3	.3	1.3
	17	2	.5	.5	1.9
	18	2	.5	.5	2.4
	20	2	.5	.5	2.9
	23	1	.3	.3	3.2
	24	5	1.3	1.3	4.5
	25	6	1.6	1.6	6.1
	26	4	1.1	1.1	7.2
	28	5	1.3	1.3	8.5
	29	6	1.6	1.6	10.1
	30	10	2.7	2.7	12.8
	31	11	2.9	2.9	15.7
	32	5	1.3	1.3	17.1
	33	11	2.9	2.9	20.0
	34	10	2.7	2.7	22.7
	35	11	2.9	2.9	25.6
	36	24	6.4	6.4	32.0
	37	12	3.2	3.2	35.2
	38	11	2.9	2.9	38.1
	39	11	2.9	2.9	41.1
	40	14	3.7	3.7	44.8
	41	11	2.9	2.9	47.7
	42	10	2.7	2.7	50.4
	43	16	4.3	4.3	54.7
	44	18	4.8	4.8	59.5
	45	13	3.5	3.5	62.9
	46	14	3.7	3.7	66.7
	47	16	4.3	4.3	70.9
	48	25	6.7	6.7	77.6
	49	8	2.1	2.1	79.7
	50	9	2.4	2.4	82.1
	51	11	2.9	2.9	85.1
	52	3	.8	.8	85.9
	53	12	3.2	3.2	89.1
	54	4	1.1	1.1	90.1
	55	7	1.9	1.9	92.0
	56	5	1.3	1.3	93.3
	57	8	2.1	2.1	95.5
	58	4	1.1	1.1	96.5
	59	1	.3	.3	96.8
	60	12	3.2	3.2	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

PURATA SKOR SIKAP

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1	3	.8	.8	.8
	1	1	.3	.3	1.1
	1	1	.3	.3	1.3
	1	2	.5	.5	1.9
	2	2	.5	.5	2.4
	2	2	.5	.5	2.9
	2	1	.3	.3	3.2
	2	5	1.3	1.3	4.5
	2	6	1.6	1.6	6.1
	2	4	1.1	1.1	7.2
	2	5	1.3	1.3	8.5
	2	6	1.6	1.6	10.1
	3	10	2.7	2.7	12.8
	3	11	2.9	2.9	15.7
	3	5	1.3	1.3	17.1
	3	11	2.9	2.9	20.0
	3	10	2.7	2.7	22.7
	3	11	2.9	2.9	25.6
	3	24	6.4	6.4	32.0
	3	12	3.2	3.2	35.2
	3	11	2.9	2.9	38.1
	3	11	2.9	2.9	41.1
	3	14	3.7	3.7	44.8
	3	11	2.9	2.9	47.7
	4	10	2.7	2.7	50.4
	4	16	4.3	4.3	54.7
	4	18	4.8	4.8	59.5
	4	13	3.5	3.5	62.9
	4	14	3.7	3.7	66.7
	4	16	4.3	4.3	70.9
	4	25	6.7	6.7	77.6
	4	8	2.1	2.1	79.7
	4	9	2.4	2.4	82.1
	4	11	2.9	2.9	85.1
	4	3	.8	.8	85.9
	4	12	3.2	3.2	89.1
	5	4	1.1	1.1	90.1
	5	7	1.9	1.9	92.0
	5	5	1.3	1.3	93.3
	5	8	2.1	2.1	95.5
	5	4	1.1	1.1	96.5
	5	1	.3	.3	96.8
	5	11	2.9	2.9	99.7
	5	1	.3	.3	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

LAMPIRAN G**ANALISIS DESKRIPTIF JUMLAH SKOR BAGI SETIAP PEMBOLEHUBAH****FAKTOR GURU****JUMG**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
VALID	11	7	1.9	1.9	1.9
	13	1	.3	.3	2.1
	15	2	.5	.5	2.7
	16	4	1.1	1.1	3.7
	17	1	.3	.3	4.0
	18	3	.8	.8	4.8
	21	1	.3	.3	5.1
	22	6	1.6	1.6	6.7
	23	5	1.3	1.3	8.0
	24	6	1.6	1.6	9.6
	25	6	1.6	1.6	11.2
	26	10	2.7	2.7	13.9
	27	4	1.1	1.1	14.9
	28	8	2.1	2.1	17.1
	29	5	1.3	1.3	18.4
	30	7	1.9	1.9	20.3
	31	15	4.0	4.0	24.3
	32	9	2.4	2.4	26.7
	33	17	4.5	4.5	31.2
	34	11	2.9	2.9	34.1
	35	10	2.7	2.7	36.8
	36	19	5.1	5.1	41.9
	37	13	3.5	3.5	45.3
	38	9	2.4	2.4	47.7
	39	13	3.5	3.5	51.2
	40	21	5.6	5.6	56.8
	41	14	3.7	3.7	60.5
	42	14	3.7	3.7	64.3
	43	12	3.2	3.2	67.5
	44	16	4.3	4.3	71.7
	45	6	1.6	1.6	73.3
	46	11	2.9	2.9	76.3
	47	15	4.0	4.0	80.3
	48	6	1.6	1.6	81.9
	49	13	3.5	3.5	85.3
	50	11	2.9	2.9	88.3
	51	14	3.7	3.7	92.0
	52	4	1.1	1.1	93.1
	53	6	1.6	1.6	94.7
	54	4	1.1	1.1	95.7
	55	16	4.3	4.3	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

FAKTOR KURIKULUM

JUMK

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	4	13	3.5	3.5	3.5
	5	1	.3	.3	3.7
	6	2	.5	.5	4.3
	7	6	1.6	1.6	5.9
	8	11	2.9	2.9	8.8
	9	8	2.1	2.1	10.9
	10	18	4.8	4.8	15.7
	11	37	9.9	9.9	25.6
	12	42	11.2	11.2	36.8
	13	37	9.9	9.9	46.7
	14	36	9.6	9.6	56.3
	15	34	9.1	9.1	65.3
	16	38	10.1	10.1	75.5
	17	19	5.1	5.1	80.5
	18	30	8.0	8.0	88.5
	19	14	3.7	3.7	92.3
	20	29	7.7	7.7	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

FAKTOR OBJEKTIF

JUMO

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	6	8	2.1	2.1	2.1
	7	1	.3	.3	2.4
	8	2	.5	.5	2.9
	9	1	.3	.3	3.2
	11	2	.5	.5	3.7
	12	3	.8	.8	4.5
	13	3	.8	.8	5.3
	14	1	.3	.3	5.6
	15	5	1.3	1.3	6.9
	16	10	2.7	2.7	9.6
	17	14	3.7	3.7	13.3
	18	31	8.3	8.3	21.6
	19	11	2.9	2.9	24.5
	20	19	5.1	5.1	29.6
	21	11	2.9	2.9	32.5
	22	32	8.5	8.5	41.1
	23	30	8.0	8.0	49.1
	24	38	10.1	10.1	59.2
	25	20	5.3	5.3	64.5
	26	19	5.1	5.1	69.6
	27	30	8.0	8.0	77.6
	28	27	7.2	7.2	84.8
	29	20	5.3	5.3	90.1
	30	37	9.9	9.9	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

FAKTOR MASA PENGAJARAN

JUMMP

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
VALID	5	14	3.7	3.7	3.7
	6	3	.8	.8	4.5
	7	6	1.6	1.6	6.1
	8	13	3.5	3.5	9.6
	9	12	3.2	3.2	12.8
	10	14	3.7	3.7	16.5
	11	24	6.4	6.4	22.9
	12	42	11.2	11.2	34.1
	13	26	6.9	6.9	41.1
	14	32	8.5	8.5	49.6
	15	46	12.3	12.3	61.9
	16	52	13.9	13.9	75.7
	17	34	9.1	9.1	84.8
	18	20	5.3	5.3	90.1
	19	12	3.2	3.2	93.3
	20	25	6.7	6.7	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

FAKTOR KEMUDAHAN DAN PERALATAN

JUMKP

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	5	9	2.4	2.4	2.4
	6	2	.5	.5	2.9
	7	2	.5	.5	3.5
	9	15	4.0	4.0	7.5
	10	15	4.0	4.0	11.5
	11	10	2.7	2.7	14.1
	12	14	3.7	3.7	17.9
	13	16	4.3	4.3	22.1
	14	14	3.7	3.7	25.9
	15	42	11.2	11.2	37.1
	16	25	6.7	6.7	43.7
	17	35	9.3	9.3	53.1
	18	34	9.1	9.1	62.1
	19	30	8.0	8.0	70.1
	20	27	7.2	7.2	77.3
	21	23	6.1	6.1	83.5
	22	20	5.3	5.3	88.8
	23	12	3.2	3.2	92.0
	24	6	1.6	1.6	93.6
	25	24	6.4	6.4	100.0
	Total	375	100.0	100.0	

LAMPIRAN H

ANALISIS DESKRIPTIF - PERBANDINGAN PERSEPSI DAN SIKAP RESPONDEN BERDASARKAN FAKTOR DEMOGRAFI

FAKTOR JANTINA

T-Test

Group Statistics

JANTINA	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
PURS 1	217	3.74	.773	.052
2	158	3.07	.719	.057

Independent Samples Test

	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
								Lower	Upper
PURS Equal variance assumed	.542	.462	8.481	373	.000	.67	.079	.512	.820
Equal variance not assumed			8.579	351.550	.000	.67	.078	.513	.819

FAKTOR ALIRAN

T-Test

Group Statistics

ALIRAN	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
PURS 1	132	3.29	.875	.076
2	243	3.55	.774	.050

Independent Samples Test

	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
								Lower	Upper
PURS Equal variance assumed	4.062	.045	-2.971	373	.003	-.26	.088	-.433	-.088
Equal variance not assumed			-2.865	242.319	.005	-.26	.091	-.439	-.081

FAKTOR KUMPULAN ETNIK

Oneway

ANOVA

PURS

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	3.834	3	1.278	1.919	.126
Within Groups	247.025	371	.666		
Total	250.859	374			

LAMPIRAN I

ANALISIS KORELASI PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR DENGAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA

Correlations

Correlations

		PURS	PURG	PURK	PURO
PURS	Pearson Correlation	1	.429**	.699**	.649**
	Sig. (2-tailed)	.	.000	.000	.000
	N	375	375	375	375
PURG	Pearson Correlation	.429**	1	.542**	.557**
	Sig. (2-tailed)	.000	.	.000	.000
	N	375	375	375	375
PURK	Pearson Correlation	.699**	.542**	1	.707**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.	.000
	N	375	375	375	375
PURO	Pearson Correlation	.649**	.557**	.707**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.
	N	375	375	375	375

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Correlations

Correlations

		PURS	PURMP	PURKP
PURS	Pearson Correlation	1	.495**	.364**
	Sig. (2-tailed)	.	.000	.000
	N	375	375	375
PURMP	Pearson Correlation	.495**	1	.504**
	Sig. (2-tailed)	.000	.	.000
	N	375	375	375
PURKP	Pearson Correlation	.364**	.504**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.
	N	375	375	375

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Petunjuk:

PURS – Purata Sikap

PURG – Purata Guru

PURK – Purata Kurikulum

PURO – Purata Objektif

PURMP- Purata Masa Pengajaran

PURKP – Purata Kemudahan dan Peralatan